



FOKUS EKONOMI RAKYAT

MUKA 3

RUMAH TERBUKA EIDUL FITR MERIAH

MUKA 5



SEDIA BANTU PUTRAJAYA

MUKA 7

SELESAI ANGKAT SUMPAH



OLEH **AFIX REDZUAN**

SHAH ALAM - Semua 55 daripada 56 Ahli Dewan Negeri (ADN) Selangor selesai mengangkat sumpah jawatan secara rasmi di Dewan Negeri Selangor (DNS), di Bangunan Annex, di sini, pada 26 Jun lalu.

Mesyuarat Pertama Persidangan Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas dimulakan oleh Dato' Menteri Besar yang juga ADN Sungai Tua, Amirudin Shari, di hadapan Speaker DNS, Ng Suee Lim.

Ia disusuli barisan Exco Kera-

jaan Negeri yang dimulakan oleh Dato' Teng Chang Kim (ADN Bandar Baru Klang), V Ganabairau (ADN Kota Kemuning), Rodziah Ismail (ADN Batu Tiga), Dr Siti Mariah Mahmud (ADN Seri Serdang) dan Ir Izham Hashim (ADN Pandan Indah).

Diikuti Haniza Talha (ADN Lembah Jaya), Datuk Abdul Rashid Asari (ADN Selat Kelang), Ng Sze Han (ADN Kinrara), Dr Shaharuddin Badaruddin (ADN Seri Setia) dan Hee Loy Sian (ADN Kajang) serta 45 ADN yang lain.

ADN Sungai Kandis, Mat Shu-

haimi Shafiei dimaklumkan tidak hadir disebabkan masalah kesihatan.

Barisan ADN pembangkang seramai lima orang turut hadir mengangkat sumpah yang dimulakan Datuk Mohd Shamsuddin Lias (ADN Sungai Burong).

Majlis angkat sumpah yang dimulakan pada jam 10 pagi selesai sepenuhnya dengan diakhiri ucapan penangguhan oleh Amirudin.

Sementara itu, Amirudin berkata, pelantikan Speaker dan Timbalan Speaker DNS dibin-

cangkan secara konsensus dalam Pakatan Harapan serta tidak timbul soal pertelingkahan antara semua parti komponen.

Beliau berkata, perbincangan berjalan lancar sehingga dimuktamadkan tanpa sebarang masalah.

"Tidak ada pertelingkahan dan ia membabitkan perbincangan. Perbincangan berlangsung sangat baik dan harmoni, maka sebab itu tiada pertelingkahan.

"Kita membincangkan sebarang kemungkinan dan hari ini mencatat konsensus dengan satu calon serta keputusan sebu-

lat suara dalam dewan," katanya.

Suee Lim yang juga ADN Sekechan dan ADN Paya Jaras, Mohd Khairuddin Othman, dimahsyurkan secara rasmi menjadi Speaker serta Timbalan Speaker DNS.

Menyentuh soal perbandingan corak pentadbiran dengan Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, Amirudin lebih fokus untuk meneruskan kecemerlangan Selangor.

"Masing-masing ada kaedah tersendiri dan yang penting kerjasama berpasukan dalam meneruskan kecemerlangan," katanya.



Sultan Sharafuddin menyerahkan watikah pelantikan Dato' Menteri Besar kepada Amirudin, di Balairung Seri Istana Alam Shah, Klang, pada 19 Jun lalu

Pelantikan Amirudin dapat restu istana

SHAH ALAM - Istana Selangor menepis dakwaan kononnya pelantikan Amirudin Shari sebagai Dato' Menteri Besar bahu-tidur tidak mendapat restu.

Berdasarkan kenyataan di laman Facebook Selangor Royal Office, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah memperkenankan pelantikan Amirudin mengikut peruntukan di bawah Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959.

Katanya, ia berdasarkan amalan biasa dilakukan dalam pelantikan menteri besar, di negeri itu.

"Selepas diteliti kesemua calon dan mendapat pandangan Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, maka baginda berkenan dengan pelantikan Amirudin yang juga Ahli Dewan Negeri Sungai Tua.

"Baginda mempunyai kuasa budi bicara dalam pelantikan seorang menteri besar di bawah peruntukan

Artikel 51 dan Artikel 53, Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor 1959," katanya.

Kenyataan itu turut menyebeluh Presiden KEADILAN, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail

menghantar surat dengan mencalonkan tiga ADN untuk mendapat perkenan baginda sebagai calon Dato' Menteri Besar, pada 7 Jun lalu.

Malah, Dr Wan Azizah turut memohon perkenan baginda menerima menghadap calon yang layak mengikut Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor.

Kenyataan itu berkata, surat terbabit secara tidak langsung membatalkan surat terdahulu yang ditulis ketua parti politik Selangor kepada baginda.

Penstrukturan air Selangor

Persekutuan dan negeri sepakat

OLEH ERMIZI MUHAMAD

SHAH ALAM - Isu penstrukturan air Selangor bakal dimuktamadkan Julai ini, kata Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari.

Beliau optimis pertikaian isu berkenaan mampu diselesaikan selepas Kerajaan Pakatan (PAKATAN) menerajui kepimpinan, di Putrajaya.

"Sebelum ini, mungkin wu-

jud perbezaan pandangan dan sikap antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan di bawah pentadbiran Barisan Nasional berhubung perkara ini.

"Dengan keserasian yang ada, saya yakin menjelang tarikh tamat luput (penstrukturan) Julai ini, maka ia boleh dimuktamadkan.

"Paling tidak, kita akan mempunyai keputusan kukuh untuk

menyelesaikan isu air di Selangor yang sekian lama tertangguh," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di Pejabat Dato' Menteri Besar, di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, baru-baru ini.

Terdahulu, Kumpulan Perangsang Selangor yang memiliki 30 peratus kepentingan dalam Syarikat Pengeluaran

Air Selangor Sdn Bhd (SPLASH) menjangkakan dapat memuktamadkan isu penstrukturan air, pada Julai ini.

Isu berkenaan sukar mencapai kata putus memandangkan sebelum ini status pentadbiran negeri sebagai pembangkang, di peringkat Persekutuan.

Kerajaan Negeri sebelum ini menegaskan, pegambilalihan sepenuhnya sukar dibuat

susulan keengganan Kementerian Teknologi Hijau dan Air yang masih belum mengemukakan nilai sebenar ekuiti rundingan pengambilalihan konsesi SPLASH.

Kelewatan itu menyebabkan proses rundingan gagal dimuktamadkan walaupun di peringkat Kerajaan Negeri jumlah nilai ekuiti sebenar sudah dinyatakan menerusi lantikan panel penilai.



Amirudin bersalaman dengan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Mohd Amin Ahmad Ahya ketika memulakan tugas sebagai Dato' Menteri Besar

Miliki aura tersendiri

SHAH ALAM - Ketokohan dan aura tersendiri dimiliki Amirudin Shari disifatkan tuah bagi dirinya memegang jawatan Dato' Menteri Besar, kata Ng Suee Lim.

Ahli Dewan Negeri Sekinchan itu berkata, pelantikan berkenaan akan melonjakkan sokongan dan dukungan rakyat Selangor daripada pelbagai lapisan masyarakat terutama anak muda terhadap Pakatan Harapan.

"Saya yakin dan percaya, beliau akan dapat meneruskan kesinambungan pimpinan Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

"Sudah pasti dengan pentadbiran Amirudin, maka Selangor akan terus menjadi peneraju Malaysia dan negeri maju, sederhana serta progresif," katanya ketika dihubungi SelangorKini.

Pada masa sama, Suee Lim berharap Amirudin dapat menumpukan perhatian terhadap masalah pengangguran selain mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat terutama belia.

"Memandangkan Amirudin sudah lama menjawat jawatan Exco Belia sebelum ini, jadi saya rasa tidak menjadi masalah untuknya menyelesaikan isu pengangguran terutama, di Selangor.

"Malah, saya berharap Amirudin juga dapat meraih kepelbagaian budaya, agama dan adat resam yang sentiasa mencabar, di negeri ini," katanya.

Amirudin dilantik selaku Dato' Menteri Besar baharu menggantikan Mohamed Azmin yang kini menjawat jawatan Menteri Hal Ehwal Ekonomi.

Pastikan pimpinan kekal bersih

SHAH ALAM - Ketua Umum Pakatan Harapan, Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu Amirudin Shari memimpin Selangor berlandaskan mandat rakyat dan bekerja sebagai pasukan.

Beliau berkata, Dato' Menteri Besar itu perlu memastikan pimpinan dan jentera Kerajaan Negeri kekal bersih daripada rasuah, sifat bermewah serta pembaziran.

"Saya ingin ucapkan tahniah dan selamat menggalas amanah kepada saudara Amirudin atas pelantikannya sebagai Menteri Besar Selangor ke-16," katanya dalam kenyataan.

Anwar turut berharap dengan pelantikan itu, maka Amirudin dapat membawa Selangor terus maju, sekali gus menjadi contoh kepada negeri lain.

"Berteraskan asas kukuh dibina Ke-

rajaan Negeri pimpinan Dato' Seri Mohamed Azmin Ali sebelum ini, Selangor berjaya menjadi negeri contoh kepada seluruh negara.

"Semoga Selangor terus dibangun dengan makmur," katanya.

Ahli Dewan Negeri Sungai Tua itu memulakan tugas sebagai Dato' Menteri Besar baharu pada 20 Jun lalu selepas megangkat sumpah, sehari sebelum itu.

Fokus ekonomi rakyat

Kekal keharmonian negeri



OLEH ERMIZI MUHAMAD

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari komited merencanakan lagi agenda pembangunan berkebijakan rakyat Selangor, di bawah legasi pentadbirannya.

Beliau berkata, ia termasuk gerak kerja berterusan memastikan masyarakat negeri itu dapat menikmati sumber kekayaan Selangor secara adil dan berkesan.

Katanya, pentadbiran negeri akan memberi keutamaan terhadap keperluan perumahan rakyat, perkhidmatan kesihatan bersepadu dan sistem pengangkutan berkesan.

"Tumpuan saya turut terarah kepada aspek kelestarian alam sekitar dan peluang pekerjaan berkualiti.

"Pentadbiran Kerajaan Negeri konsisten mengambil langkah memastikan matlamat ini dicapai," katanya.

Beliau berkata demikian pada ucapan penerimaan tugas Dato' Menteri Besar yang disiarkan secara langsung di media rasmi milik Kerajaan Negeri iaitu TVSelangor, pada 20 Jun lalu.

Pada masa sama, Amirudin berkata, Kerajaan Negeri bertekad mengekalkan kestabilan dan keharmonian kaum, di negeri itu.

Beliau berkata, keperluan itu selaras dasar kesederhanaan,

keadilan dan keharmonian yang dipegang utuh pentadbiran negeri sebelumnya.

"Semangat rakyat yang sentiasa menjunjung kedaulatan undang-undang, demokrasi berparlimen dan peranan institusi raja-raja berjaya mengekalkan keharmonian serta kestabilan negara juga negeri.

"Justeru, semangat perpaduan dan muhibah ini perlu terus disemarakkan dalam kalangan rakyat Selangor," katanya.

Tiada lantikan timbalan menteri besar

SHAH ALAM - Tiada keperluan lantikan Timbalan Dato' Menteri Besar di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri ini, kata Amirudin Shari.

Dato' Menteri Besar itu berkata, pendirian berkenaan dibuat selaras 'tradisi' Kerajaan Pakatan Harapan (PAKATAN) negeri yang menolak pelantikan jawatan itu.

"Tiada perancangan melantik Timbalan Menteri Besar dan kita akan meneruskan tradisi PAKATAN sebelum ini untuk tidak melantik jawatan itu," katanya.

Sejak 2008 ketika PAKATAN mentadbir negeri, tiada lantikan jawatan itu dibuat.

Pendirian tegas turut di-

nyatakan mantan Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, ketika menerajui tampuk kepimpinan negeri.

Di peringkat Kerajaan Negeri, langkah itu dibuat selaras komitmen pentadbiran PAKATAN sebelum ini yang konsisten mengurangkan kos operasi, dalam pentadbirannya.

Namun, pendirian sebaliknya diteruskan di beberapa negeri yang dikawal pentadbiran pembangkang.

Antaranya, Kerajaan Kelantan yang melantik individu tertentu dalam pentadbiran negeri sebagai Timbalan Menteri Besar Negeri.

Jangan selesa, ingat 'kuasa rakyat'

SHAH ALAM - Amirudin Shari mengingatkan pimpinan Kerajaan Negeri supaya terus bekerja kuat, selepas diberi mandat dan kepercayaan daripada rakyat.

Dato' Menteri Besar itu berkata, pimpinan negeri tidak boleh terlalu selesa, sebaliknya perlu giat membangunkan ekonomi negeri demi manfaat berterusan rakyat Selangor.

"Kemenangan besar diraih disusuli harapan besar rakyat yang sangat tinggi untuk kita memastikan rakyat Selangor terus mendapat pembelaan.

"Rakyat sudah berani membuat perubahan dengan menukar kerajaan yang sudah bertapak lebih 60 tahun dan jika kita gagal mengurus negeri dengan baik, maka tidak mustahil kita boleh dihukum me-reka.

"Ini bukan dakwaan tetapi peringatan untuk saya selaku Dato' Menteri Besar baharu dan rakan pimpinan negeri," katanya.

Amirudin berkata, tumpuan Kerajaan Negeri ini untuk terus

Rakyat sudah berani membuat perubahan dengan menukar kerajaan yang sudah bertapak lebih 60 tahun dan jika kita gagal mengurus negeri dengan baik, maka tidak mustahil kita boleh dihukum rakyat

bekerja kuat dan memimpin negeri berkebijakan itu.

"Saya memberi jaminan kepada rakyat, semua pimpinan negeri, ahli majlis dan pemimpin akar umbi, inilah masanya untuk kita melunaskan janji.

"Sekarang adalah masa untuk bekerja dan mengekalkan ketelusan yang ada kerana prinsip inilah yang membolehkan kita memperoleh sokongan berterusan rakyat," katanya.



Kecemerlangan pentadbiran Mohamed Azmin menjadi rujukan Amirudin dalam memacu pembangunan Selangor

Rekod cemerlang Azmin jadi rujukan

SHAH ALAM - Prestasi cemerlang pentadbiran Dato' Seri Mohamed Azmin Ali menjadi rujukan terbaik kepada Amirudin Shari meneruskan rekod kegemilangan, di negeri itu.

Dato' Menteri Besar itu berkata, kejayaan terbabit menjadi asas terpenting baginya untuk kekal meletakkan Selangor sebagai negeri terbaik, di Malaysia.

Katanya, Mohamed Azmin

mempunyai rekod cemerlang, berwawasan dan berintegriti, malahan dikasihi Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor serta disanjung rakyat.

"Saya tidak melihat hakikat ini sebagai halangan terhadap misi menerajui pentadbiran negeri.

"Saya merasa amat bertuah kerana dengan *track record* beliau yang begitu *outstanding* mendorong saya melaksanakan

yang terbaik dengan menggunakan kejayaannya sebagai penanda aras.

"Saya berikrar memastikan kesinambungan pentadbiran cemerlang dan melonjakkan Selangor ke tahap seterusnya demi membangun bangsa memakmur negeri," katanya.

Terdahulu, Ahli Dewan Negeri Sungai Tua itu mengangkat sumpah sebagai Menteri Besar Selangor ke-16, pada 19 Jun lalu.



Malaysia Smart Waste Solutions Company of the Year

KDEBWM diiktiraf Frost & Sullivan

OLEH SHEEDA FATHIL

KUALA LUMPUR - KDEB Waste Management (KDEBWM) menerima anugerah dan diiktiraf sebagai *Malaysia Smart Waste Solutions Company of the Year* bagi 2018.

Anugerah itu disampaikan oleh Frost dan Sullivan iaitu firma perunding perniagaan yang terbabit dalam penyelidikan serta analisis pasaran, perundingan strategi juga latihan korporat.

Pengarah Urusan KDEBWM, Ramli Mohd Tahir berkata, beliau tidak pernah menjangka menerima anugerah itu memandangkan syarikatnya masih baru bertapak.

Namun, katanya, anugerah itu adalah mandat besar buat KDEBWM untuk bekerja lebih gigih dalam menguruskan urusan sisa pepejal.

"Apa yang dilakukan kami di Selangor adalah tanggungjawab besar dalam memastikan negeri ini bersih serta bebas daripada masalah sampah.

"Saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan Negeri terutama mantan Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali yang ketika itu memberi kepercayaan terhadap KDEBWM untuk menguruskan urusan sisa pepejal dan sisa awam, di negeri ini," katanya kepada SelangorKini.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Anugerah 2018 Frost & Sullivan Malaysia Excellence Award, di Hotel Hilton, di sini, pada 26 Jun lalu.

Ramli berkata, anugerah yang diterima itu juga adalah dokongan dan sokongan daripada pihak lembaga pengarah serta bahagian pengurusan



Warga kerja KDEB Waste Management (KDEBWM) gembira diiktiraf sebagai *Malaysia Smart Waste Solutions Company of the Year* bagi 2018 pada Majlis Anugerah 2018 Frost & Sullivan Malaysia Excellence Award, di Hotel Hilton, Kuala Lumpur

KDEBWM.

"Saya mempunyai pasukan kerja yang sentiasa menjalinan kerjasama erat dan bekerja siang malam demi menguruskan sampah bagi memastikan negeri ini bersih.

"Anugerah yang diterima ini bukan hanya untuk KDEBWM tetapi untuk semua rakyat di Selangor khususnya," katanya.

Rancang laksana kitar semula

KUALA LUMPUR - Syarikat milik penuh Kerajaan Negeri, KDEB Waste Management (KDEBWM) merancang melaksanakan aktiviti kitar semula selain melakukan pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam.

Pengarah Urusan KDEBWM, Ramli Mohd Tahir berkata, dalam jangka masa enam bulan beliau mendapat mandat daripada Lembaga Pengarah untuk memulakan perkara baharu lebih daripada kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam.

"Seperti saya selalu kata, sampah tidak kotor tetapi ia adalah duit. Oleh itu, kita sedang dalam perancangan mahu melakukan aktiviti kitar semula, di negeri ini.

"Kita akan membuat pelaburan baharu yang memudahkan kerja kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam demi memastikan Selangor sentiasa bersih," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Anugerah 2018 Frost & Sullivan Malaysia Excellence Award yang diadakan di Hotel Hilton, di sini, pada 26 Jun lalu.

Terdahulu, syarikat itu terus komited memastikan Selangor mencapai status negeri terbersih, di Malaysia.

Sebelum ini, KDEBWM mengambil alih sisa pepejal dan pembersihan awam di Majlis Perbandaran Klang, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Majlis Perbandaran Selangor dan Majlis Daerah Kuala Langat.

Tujuh PBT lain pula akan diambil alih hujung tahun ini secara berpe-

Kita akan membuat pelaburan baharu yang memudahkan kerja kutipan sisa pepejal dan pembersihan awam demi memastikan Selangor sentiasa bersih

RAMLI TAHIR
Pengarah Urusan
KDEBWM

ringkat iaitu Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Majlis Perbandaran Subang Jaya, Majlis Perbandaran Sepang dan Majlis Perbandaran Kajang.

Ia termasuk Majlis Daerah Kuala Selangor, Sabak Bernam dan Hulu Selangor.



SELANGOR KINI SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Lembaga Editorial CCSB

PENGARANG: Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG: Mohd Ezli Mashut, Naeem Raffi, Afeeqa Afeera

WARTAWAN:

Hafizan Taib : hapizantaib@mediaselangor.com,

Nazli Ibrahim : nazli@mediaselangor.com,

Afif Redzuan : syafiq@mediaselangor.com,

Norhayati Umor : hayati@mediaselangor.com,

Ermizi Muhammad : norazie@mediaselangor.com

Sheeda Fathil : sheeda@mediaselangor.com

Syazwani Sufian : syazwani@mediaselangor.com

Nadiah Zamli : sitinadiah@mediaselangor.com

Haziq Ismail : zulhaziq@mediaselangor.com

JABATAN PEMASARAN & PENGIKLAMAN:

Nadhras Azlan : nadhras@mediaselangor.com | 03-5523 4856 (ext 109)

Shafiq Hamsi : Shafiqhamsi@mediaselangor.com | 03-5523 4856 (ext 109)

JURUGAMBAR: Asri Sapfie, Raheem Arifin, Hafiz Othman & Fikri Yusof

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,

Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: info@mediaselangor.com



Sate Che Mat, Kebab 5Ruz antara jadi tumpuan

SHAH ALAM - Majlis Rumah Terbuka Sempena Sambutan Eidul Fitr Peringkat Negeri mendapat sambutan apabila dihadiri lebih 50,000 pengunjung, pada 24 Jun lalu.

Tinjauan SelangorKini mendapati, walaupun jam sudah menunjukkan jam 4.00 petang, namun pengunjung majlis penuh meriah itu masih beratur panjang untuk mengambil juadah yang disediakan.

Antara gerai yang mendapat tumpuan pengunjung termasuk Kebab 5Ruz yang menggunakan rempah rahsia dalam resepi.

Pengusaha perniagaan terbabit, Muhammad Faizal Yop, 35, berkata, kakitangan gerainya mula diserbu orang ramai, sejak jam 10.00 pagi.

"Kami menyediakan lebih 2,000 keping kebab ayam dan daging. Sehingga kini hanya tinggal sedikit sahaja, kurang 100 sahaja tapi orang masih beratur panjang.

"Antara keistimewaan kebab kami adalah menggunakan

rempah rahsia yang berbeza dengan kebab lain," katanya kepada SelangorKini.

Sementara itu, Gerai Sate Che Mat daripada Sekinchan turut tidak menang tangan menyediakan sate untuk pengunjung yang sentiasa beratur panjang.

SelangorKini difahamkan pengusaha terbabit menyediakan lebih 20,000 cucuk sate untuk majlis rumah terbuka kali ini.

Manakala, Perbadanan Kemasukan Pertanian Selangor (PKPS) pula menyediakan lebih 10 tan buah-buahan tempatan daripada ladang PKPS sendiri.

Antaranya buah nangka, tembikai, tembikai susu dan jambu batu.

Gerai lain yang turut mendapat tumpuan, cendol, bihun sup gearbox, ayam golek, roti john, apam balik crispy, ke-tupat, lemang, rendang dan pelbagai juadah lain.

Majlis terbabit turut dimeriahkan lagi dengan persembahan istimewa beberapa artis popular seperti Jay Jay, Khai Bahar, dan Yasin Sulaiman.



Majlis Rumah Terbuka Eidul Fitr

Lebih 50,000 hadir, rai perpaduan kaum

OLEH **ERMIZI MUHAMAD**

SHAH ALAM - Lebih 50,000 rakyat terdiri daripada pelbagai lapisan bangsa dan agama memeriahkan sambutan Majlis Rumah Terbuka Eidul Fitr, peringkat negeri di Dataran Kemerdekaan Shah Alam, pada 24 Jun lalu.

Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari menyifatkan sambutan menggalakkan itu sebagai lambang manifestasi perpaduan rakyat, di negeri berkeadilan itu.

"Berpuluh ribu rakyat yang hadir pada majlis ini membuk-

tikan manifestasi sebenar perpaduan rakyat Selangor yang hidup aman dan damai.

"Di bawah lindungan Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, saya percaya keamanan dan keharmonian ini dapat dikekalkan," katanya.

Amirudin berkata demikian ketika berucap pada sembah ucapan Dato' Menteri Besar kepada baginda.

Terdahulu, majlis yang turut dihadiri DYMM Sultan Sharafuddin itu turut diserikan dengan kehadiran DYMM Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Per-

maisuri Norashikin.

Duli Yang Teramat Mulia, Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah turut berkenan mencemar duli hadir, pada majlis tahunan itu.

Turut hadir, pimpinan Kerajaan Negeri antaranya Setiausaha Kerajaan Negeri; Dato' Mohd Amin Ahmad Ahya dan barisan Exco Kerajaan Negeri yang memeriahkan lagi sambutan.

Hadir sama, bekas Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali dan pimpinan tinggi Kerajaan Persekutuan, Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail dan Dr Dzulkefly Ahmad.

Terima kasih petugas

SHAH ALAM - Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari menzahirkan penghargaan kepada seluruh rakyat yang hadir memeriahkan sambutan Rumah Terbuka Eidul Fitr, peringkat negeri.

Di Twitter, Amirudin turut berterima kasih kepada semua anggota dan petugas yang membantu menjayakan majlis itu.

"Saya amat terharu dan cukup berbangga dengan sambutan rakyat Selangor yang berduyun membanjiri Dataran Kemerdekaan Shah Alam dari pagi hingga petang. Semangat Syawal sungguh meriah.

"Pelbagai lapisan masyarakat berbilang kaum, agama dan

umur berkumpul bersama. Jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan buat petugas dan kakitangan yang bertungkus lumus menjayakan Sambutan Aidilfitri bertemakan 'Kesatuan Hati, Kemenangan Diinsafi'.

"Penghargaan juga buat penaja dan anak syarikat yang menyumbang," tulisnya.

Terdahulu, kira-kira 50,000 rakyat pelbagai lapisan bangsa dan agama memeriahkan majlis rumah terbuka yang berlangsung, di Dataran Kemerdekaan Shah Alam.

Amirudin menyifatkan sambutan menggalakkan itu sebagai lambang manifestasi perpaduan rakyat, di negeri berkenaan.





Speaker dan Timbalan Dewan Negeri Selangor baharu

Gabungan Suee Lim, Mohd Khairuddin



OLEH AFIX REDZUAN

SHAH ALAM - Ahli Dewan Negeri (ADN) Sekinchan, Ng Suee Lim dan ADN Paya Jaras, Mohd Khairuddin Othman dilantik secara rasmi menjadi Speaker serta Timbalan Speaker Dewan Negeri Selangor (DNS) yang baharu.

Pelantikan Speaker dicadangkan Dato' Menteri Besar merangkap ADN Sungai Tua, Amirudin Shari serta disokong ADN Bandar Baru Klang yang juga Exco Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan, Industri Kecil dan Sederhana, Dato' Teng Chang Kim.

Chang Kim pula mencadangkan Mohd Khairuddin dilantik menjadi Timbalan Speaker DNS dan disokong ADN Kota Kemuning yang juga Exco Pemberdayaan dan Pembangunan Sosio Ekonomi dan Kerajaan Prihatin, V Ganabattirau.

Suee Lim dan Mohd Khairuddin

mengangkat sumpah dan menandatangani surat sumpah jawatan sambil disaksikan Setiausaha DNS.

Majlis Angkat Sumpah DNS yang membabitkan 56 ADN itu berlangsung pada 26 Jun lalu yang dimulakan oleh Amirudin.

Sementara itu, Suee Lim berkata, beliau komited memastikan persidangan DNS akan berjalan dengan lancar, bermula Julai ini.

Suee Lim berkata, beliau dan Mohd Khairuddin akan memastikan DNS akan menjadi bertenaga, dihormati dan sebagai peneraju, di seluruh Malaysia.

"Jawatan Speaker kali ini agak serius berbanding dahulu kerana ketika itu saya memainkan peranan selaku pembahas utama dan sering berdebat dengan pihak pembangkang.

"Namun, perkara itu akan diteruskan tetapi mungkin dengan cara berlainan kerana sekarang saya berada di posisi jawatan yang agak serius,"

katanya.

Mengulas isu pelantikan selaku Speaker DNS, beliau berkata, isu kelayakan dalam bidang perundangan tidak timbul kerana Speaker terdiri daripada pelbagai latar belakang.

"Apa yang penting adalah senioriti dan pengalaman bagi memastikan persidangan dewan dapat berjalan dengan lancar, adil serta mempengerusikan sesuatu mesyuarat supaya dihormati semua parti komponen juga pembangkang," katanya.

Mohd Khairuddin pula mengucapkan terima kasih kepada kepimpinan parti kerana memberi kepercayaan buat dirinya dilantik selaku Timbalan Speaker DNS.

"Terima kasih kerana sudah memberi saya dua peluang, pertama untuk menyertai KEADILAN dan hari ini selaku Timbalan Speaker DNS tanpa ada sebarang pengundian dalam kalangan Pakatan Harapan," katanya.

Jawatan ahli majlis PBT tamat 30 Jun

SHAH ALAM - Semua ahli majlis yang memegang jawatan di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Selangor akan ditamatkan sertamerta, pada 30 Jun ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru, Ng Sze Han berkata, jawatan itu tidak dilanjutkan ekoran terdapat khabar angin tempoh ia akan dilewatkan, sehingga Disember ini.

Katanya, pilihan raya untuk memilih ahli majlis baharu akan

berlangsung, pada Ogos ini.

"Semua parti dalam Pakatan Harapan perlu mengemukakan nama calon ahli majlis dalam minggu ini ekoran mesyuarat eksekutif majlis akan dijalankan, pada hujung bulan ini.

"Dijangkakan ahli majlis baharu akan mula menjalankan tugas masing-masing, pada Julai ini," katanya dalam kenyataan.

Sze Han berkata, pihaknya menggalakkan semua pucuk kepimpinan parti termasuk KEADILAN, AMANAH, Parti Pribumi

Bersatu Malaysia dan DAP mencalonkan lebih banyak wakil daripada badan bukan kerajaan juga wanita.

"Kita berharap bilangan ahli majlis wanita mencapai sasaran sehingga 30 peratus secara keseluruhannya.

"Bagaimanapun, Kerajaan Negeri berhak menolak nama calon yang dirasakan tidak bersesuaian dan pada masa ini pengisytiharan aset tidak terpakai ketika memilih ahli majlis tempatan," katanya.



Dua kilang berdepan tindakan saman, sita

KUALA LANGAT - Dua kilang disyaki terdapat dengan pencemaran bahan kimia di Jalan Klang Batu 15, di sini, bakal berdepan tindakan saman dan sita oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) serta Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL).

Exco Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Hal Ehwal Pengguna dan Hal Ehwal Bukan Islam, Hee Loy Sian berkata, Skwad Unit Pengurusan Bencana Negeri yang membuat pemantauan darat dan udara mendapati pencemaran itu datang daripada kawasan perindustrian terbabit.

"Unit ini membuat pemantauan sekitar kawasan kilang dan pembuangan minyak yang mendapati terdapat dua penyewa iaitu kilang plastik serta kilang minyak hitam.

"JAS memaklumkan akan membuat tindakan saman pencemaran alam sekitar kepada penyewa kilang, manakala MDKL membawa kes pembua-

ngan minyak itu ke bahagian perlesenan untuk proses penyitaan," katanya kepada SelangorKini.

Beliau berkata, penyewa kilang itu akan dikenakan tindakan kompaun MDKL kerana didakwa melakukan pencemaran pembuangan minyak di paip bawah tanah dari dalam kilang (inlet) dan dibuang ke anak sungai (outlet) berdekatan.

"Buat masa ini, MDKL sudah pun menutup kawasan kilang dengan barricade tape.

"Kita juga mendapati jarak kawasan kilang dan kawasan Sungai Langat adalah dianggarkan 200 meter serta jarak pencemaran ke kawasan rumah dianggarkan 100 meter," katanya.

Terdahulu, penduduk di sekitar kawasan perindustrian di situ cemas apabila terhidu bau bahan kimia di lokasi berhampiran sebuah kilang dipercayai mengumpul minyak hitam melepaskan cecair yang digunakan untuk mencuci peralatan.



Al-Fatihah buat Khairuddin Jamaluddin

GEMENCHEH - Jenazah jurukamera Media Selangor, Khairuddin Jamaluddin, yang meninggal dunia, selamat dikebumikan, di kampung halaman mertuanya di Felda Bukit Rokan Utara, Gemencheh, Negeri Sembilan, pada 26 Jun lalu.

Balu Allahyarham, Suraya Musa berkata, jenazah suaminya dibawa ke kediaman ibu bapa beliau, kira-kira jam 1.30 pagi, dari Hospital Serdang.

"Kami mengiringi jenazah dari Hospital Serdang dan tiba di sini, sekitar jam 3.20 pagi," katanya.

Terdahulu, Khairuddin, 51, yang bertugas di

Media Selangor hampir lapan tahun, meninggal dunia akibat pendarahan dalam perut, di Hospital Serdang, kira-kira jam 11.20 malam tadi, pada 25 Jun lalu.

Allahyarham yang mesra dengan panggilan Din KJ meninggalkan seorang balu dan dua anak lelaki berusia tiga tahun serta lima bulan juga anak tiri berumur 10 tahun.

Seluruh warga kerja Media Selangor mengucapkan takziah kepada pihak keluarga dan didoakan semoga Allahyarham ditempatkan dalam kalangan anbia dan solehin.

Rumah Selangorku

Kerajaan Negeri sedia bantu Putrajaya

OLEH ERMIZI MUHAMAD

AMPANG - Kerajaan Negeri bersedia membantu Kerajaan Persekutuan melaksanakan dasar Rumah Selangorku, di Putrajaya.

Exco Perumahan dan Kehidupan Bandar, Haniza Talha berkata, keperluan itu selaras hasrat pentadbiran negeri memastikan rakyat berpendapatan sederhana mampu memiliki rumah sendiri.

"Selepas melihat keberkesanan dasar ini di Selangor, kita dimaklumkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berminat mengaplikasikan pelaksanaan dasar ini, di Putrajaya.

"Ia satu perkembangan positif dan kita bersedia ke arah itu dengan merujuk sumbangan dasar ini kepada rakyat Selangor secara amnya.

"Di peringkat Kerajaan Negeri, tentunya dasar ini akan diteruskan dengan kadar jualan serendah RM42,000 itu dikekalkan," ka-tanya kepada SelangorKini.

Beliau berkata demikian selepas mengadakan program turun padang penyerahan bantuan kepada penduduk perumahan Kampung Dato' Mufti Shuib Ampang yang terjejas ekoran hujan lebat.

Terdahulu, KPKT mempertimbangkan untuk melaksanakan dasar perumahan Rumah Selangorku, di seluruh negara.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin berkata, pelaksanaan dasar itu sedang dikaji bagi menilai keperluan ke arah pembaikan dasar perumahan baru negara.

Beliau mengakui, dasar Rumah Selangorku boleh dilaksanakan secara efektif mengikut kesesuaian dasar perumahan sedia ada, di Putrajaya.



Mekanisme program Rumah Selangorku memikat Putrajaya untuk menyediakan lebih banyak rumah mampu milik kepada rakyat

Perluas bantuan Skim Ceria

AMPANG - Senarai pangsapuri seluruh negeri yang memerlukan bantuan di bawah Skim Ceria sudah diserahkan kepada Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) untuk tindakan lanjut.

Exco Perumahan dan Kehidupan Bandar, Haniza Talha berkata, lebih banyak pangsapuri memerlukan akan dibantu di bawah pelaksanaan dasar perumahan itu.

"Di peringkat Kerajaan Negeri, kita akui wujud keperluan penambahan pangsapuri yang perlu dibantu di bawah Skim Ceria, namun atas faktor baki peruntukan sedia ada terhad untuk tahun ini, maka ia hanya tertumpu kepada pangsapuri yang benar-benar rosak dengan keadaan fasiliti lama.

"Namun, Kerajaan Negeri yakin bantuan boleh diperluas untuk tempoh akan datang berdasarkan keperluan dan penambahan peruntukan, tahun depan," katanya.

Beliau diminta mengulas cadangan umum terhadap keperluan pembaikan berterusan dilakukan Kerajaan Negeri terhadap unit pangsapuri terbiar, buruk dan rosak, di Selangor.

Sebelum ini, Ahli Dewan Negeri Lembah Jaya itu secara terbuka menyatakan komitmennya memperluas pelaksanaan skim berkenaan, di seluruh negeri.

Beliau berkata, ia bagi membolehkan warga perumahan pangsapuri kos rendah dan sederhana seluruh negeri menikmati manfaat daripada skim yang mula diperkenalkan di bawah dasar Kerajaan Pakatan.

Kerajaan Negeri melancarkan Skim Ceria bagi tujuan baik pulih kerosakan harta bersama pangsapuri rendah dan sederhana, di Selangor.

Haniza berkata, skim berkenaan mampu menyelesaikan isu bangunan lama yang memerlukan pembaikan dan tumpuan wakil rakyat setempat.



Beberapa pangsapuri di seluruh negeri sedang giat dibaik pulih di bawah Skim Ceria

Siap Diduduki

永久地契

Find Us:

6km
Taman Sentosa Coastal Resort

11.6km
Taman Sentosa, Kuala Lumpur (KLIA)

54.3km
Taman Sentosa

ITARIANG DEVELOPMENT SDN. BHD.
Co. 813849-D
PT 4717, Jalan TS 1/18, Taman Semarak,
71800 Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan.

Untuk maklumat lanjut, Sila Hubungi kami di...

- 012-659 3689
- 012-349 7889
- 016-263 0822

No Lesen Pemaju : 11259-6/11-2018/02355(P) Tarikh Sah : 25/11/2017 Hingga 24/11/2018 No Permit Iklan : 11259-6/11-2018/02355(L) Tarikh Sah Permit : 25/11/2015 Hingga 24/11/2018 Tarikh Dijaika Siap : Nov 2017. Alison : Jumlah Unit Untuk Semi-D 12 Unit Harga Min Rm770,970.00 Harga Mak Rm850,000.00, Balina : Jumlah 32 Unit Harga Min : Rm575,870.00 Harga Mak : Rm700,000.00 Pihak Berkuasa Yang Meluluskan: Majlis Perbandaran Sepang Penilaian: Semua lukisan adalah gambaran pedulis sahaja. Risetlah ini bukan dan tidak dianggap sebagai tawaran atau penawaran dan pihak pemaju. Maklumat yang terkandung di dalam risalah ini tertakluk kepada perubahan, pindaan seperti yang disyorkan oleh pihak berkuasa berkenaan dan/atau artikel projek dan bukannya sebahagian daripada tawaran kontrak.



OLEH SYAZWANI SUFIAN

Kerjasama kementerian-UNICEF

Wujud pelan peduli kanak-kanak

PUTRAJAYA - Lima kementerian bersama Tabung Kanak-Kanak Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNICEF) bekerjasama mewujudkan pelan bagi menangani isu membabitkan kanak-kanak, di seluruh dunia.

Inisiatif itu membabitkan Kementerian Kesihatan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pendidikan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar serta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, rangka Pelan Hala Tuju Kesejahteraan Kanak-Kanak yang dijangka memakan masa sebulan itu bakal memberi fokus isu kanak-kanak bantut, pelarian, penderaan seksual dan kebajikan secara menyeluruh.

"Langkah itu diambil demi membela nasib kanak-kanak, sekali gus menunjukkan komitmen kerajaan mencari pendekatan berkesan dalam menangani masalah ini.

"Mesyuarat antara kementerian hari ini (21 Jun) untuk menunjukkan kesungguhan kita menyelesaikan dan menangani per-

masalah ini sehingga ke akar umbi," katanya ketika sidang media di Pejabat Timbalan Perdana Menteri, di sini.

Katanya, keperluan membangunkan pendekatan berintegrasi dituntut bagi menangani masalah kanak-kanak bantut kerana ia bukan sahaja berkait isu kesihatan tetapi membabitkan masalah sosial.

"Kita tidak layak bercakap berkenaan pembangunan masa depan lebih baik juga masyarakat penyayang jika mengabaikan mereka yang memerlukan perhatian," katanya.

Terdahulu, merujuk kepada laporan "Kanak-Kanak Pinggiran" yang diterbitkan UNICEF, masalah kemiskinan bandar berkait rapat dengan kekurangan zat makanan dalam kalangan kanak-kanak.



Blockchain impak baru teknologi negara

PETALING JAYA - Penggunaan sistem teknologi rantai blok (Blockchain) dijangka memberi impak yang baik kepada kerajaan.

Penasihat kepada Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Prof Dr Mohd Faiz Abdullah berkata, teknologi Blockchain memberi kesan kepada ekonomi termasuk masyarakat dan pemain industri.

Katanya, Blockchain boleh dianggap sebagai lejar digital dan urusan niaga dicatatkan secara kronologi dan terbuka serta boleh digunakan dengan berkesan untuk mengelak penipuan.

"Teknologi itu menggabungkan pangkalan data dan kriptografi untuk bertindak sebagai landasan pemindahan pelbagai urusan dengan pantas, selamat dan menjimatkan kos.

"Pemain industri dan pihak kerajaan negeri perlu berbincang dan melihat kesan kegunaan teknologi Blockchain ini," katanya ketika Forum 'Adoption of Blockchain in Industry and Higher Learning' di Selangor Business School, di Wisma PKNS, pada 27 Jun lalu.

Mohd Faiz berkata, forum berkenaan adalah permulaan

yang baik kepada hala tuju penggunaan teknologi Blockchain, di negara ini.

"Malah, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi khasnya sentiasa memberi ruang kepada inisiatif baru termasuk Blockchain. Ia kerana kita melihat teknologi tinggi ini memberi kesan baik kepada negara.

"Bagaimanapun, forum kali pertama ini adalah permulaan yang baik dan bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat dan juga industri," katanya.

Ahli Parlimen angkat sumpah 16 Julai

KUALA LUMPUR - Semua ahli Dewan Rakyat akan mengangkat sumpah jawatan pada Mesyuarat Pertama Penggal Pertama Parlimen Keempat Belas yang akan bermula, pada 16 Julai ini, selama 20 hari.

Setiausaha Dewan Rakyat, Datuk Roosme Hamzah berkata, majlis angkat sumpah itu akan dilakukan selepas pelantikan Yang Dipertua dan Timbalan Yang Dipertua Dewan Rakyat.

"Istiadat pembukaan sidang Parlimen akan dirasmikan oleh

Yang di-Pertuan Agong, Sultan Muhammad V, pada 17 Julai ini," katanya dalam kenyataan, pada 22 Jun lalu.

Beliau berkata, mesyuarat pertama bagi penggal ini akan dimulakan dengan usul menjunjung kasih dan perbahasan Titah Diraja selama dua minggu diikuti sesi penggulungan oleh menteri, pada minggu ketiga.

"Urusan minggu keempat dan kelima adalah perbahasan bagi rang undang-undang dan urusan kerajaan yang lain," katanya.

Penerbangan pertama haji bermula 14 Julai

SEPANG - Penerbangan pertama jemaah haji tahun ini dijadual berlepas pada 14 Julai sementara penerbangan terakhir, pada 14 Ogos ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Tabung Haji (TH), Datuk Seri Johan Abdullah berkata, ia membabitkan lapan lapangan terbang utama iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Sepang; Alor Star, Kedah; Bayan Lepas, Pulau Pinang; Senai, Johor Bahru; Kuala Terengganu, Terengganu; Kota Bharu, Kelantan; Kota Kinabalu, Sabah dan Kuching, Sarawak.

"Sebanyak 81 penerbangan sewa khas digunakan membabitkan 40 pesawat Ma-

aysia Airlines Berhad (MAS) dan 41 pesawat Flynas.

"Penerbangan balik bermula 29 Ogos sehingga 25 September ini," katanya dipetik Berita Harian.

Turut hadir, Pengurus Besar Kanan Jabatan Haji TH merangkap Pengarah Gerakan Operasi Haji Tanah Air, Datuk Seri Syed Saleh Syed Abdul Rahman.

Johan berkata, kuota haji bagi tahun ini masih kekal seperti tahun lalu iaitu 30,200 jemaah.

Selain itu, katanya, buat pertama kali bagi tahun ini, jemaah haji dari Lembah Klang dan kawasan sekitarnya akan berlepas dari Kompleks TH Sepang yang sebelum ini dilakukan, di Kelana Jaya.



Lantikan pengerusi SPR baharu

Bebas pengaruh politik, berintegriti

OLEH HAFIZAN TAIB

SHAH ALAM - Pelantikan Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) baharu perlu berintegriti, kesaksamaan dan bebas bagi mengembalikan keyakinan rakyat kepada institusi berkenaan.

Jawatankuasa Pemandu Gabungan Pilihan Raya Bersih dan Adil (BERSIH 2.0) berkata, kriteria digariskan penting dalam usaha menjayakan reformasi pilihan raya yang bebas dan adil, pada masa depan.

"Berdasarkan kriteria ini dan mempunyai pengetahuan, pengalaman serta kepakaran terbukti dalam undang-undang juga sistem pilihan raya.

"Dia juga perlu mempunyai rekod prestasi terbukti dalam integriti individu, kesaksamaan dan bebas daripada politik kerajaan serta parti.

"BERSIH 2.0 yakin kriteria ini penting bagi memastikan Pengerusi SPR baharu

bebas, mempunyai keyakinan orang ramai dan kompeten untuk memulakan reformasi pilihan raya," katanya.

Kenyataan itu dibuat ekoran perletakan jawatan Pengerusi SPR, Tan Sri Mohd Hashim Abdullah, berkuatkuasa 1 Julai ini.

Jawatankuasa itu berkata, Perkara 114(2) Perlembagaan Persekutuan menggariskan keyakinan orang ramai sebagai syarat bagi pelantikan itu dan kerajaan Pakatan Harapan (PAKATAN) tidak harus mengulangi kesilapan dilakukan Barisan Nasional.

"Kriteria sama harus digunakan dalam memilih Pesuruhjaya SPR apabila terdapat kekosongan dan keperluan bagi pelantikan.

"Ia menjadi salah satu langkah penting bagi PAKATAN melaksanakan janji pilihan raya seperti dinyatakan dalam manifesto ketika Pilihan Raya Umum ke-14," katanya.



Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali menziarahi Ketua Umum KEADILAN, Datuk Seri Anwar Ibrahim di Pusat Perubatan Universiti Malaysia (PPUM). Turut bersama Nurul Nuha dan Nurul Hana yang menemani Anwar. Terdahulu, Anwar dimasukkan ke PPUM selepas mengadu sakit bahu dan belakang, minggu lalu.

Cari 6 nama bahan pelengkap hidangan nasi lemak

Hadiah Utama RM150,000.00*
untuk dimenangi!

B	I	K	L	N	C	X	N	C	O
X	S	A	M	B	A	L	A	G	T
T	I	C	Y	N	Q	E	S	U	E
I	K	A	N	B	I	L	I	S	L
M	R	N	Z	X	L	U	J	H	U
U	K	G	N	H	T	K	T	R	R
N	K	A	N	B	O	X	I	J	V

Anda hanya perlu mencari **6 nama bahan pelengkap hidangan nasi lemak** yang tersorok secara melintang atau mendatar. Berikan jawapan anda melalui kupon di bawah atau hubungi kami dengan segera. **Hadiah Utama RM150,000.00 untuk dimenangi!**

Telefon sekarang untuk merebut peluang memenangi hadiah-hadiah ditawarkan:

Setiap hari dari jam 8 pagi hingga 7 petang.

ISI BORANG DAN HANTARKAN KEPADA: KUPON PENYERTAAN

Ya, saya menjumpai 6 nama bahan pelengkap hidangan nasi lemak: 1) SAMBAL, 2) _____, 3) _____, 4) _____, 5) _____, 6) _____.

Ya, saya ingin berpeluang menjadi RM150,000.00 lebih kaya.

Ya, saya ingin menerima katalog Best Products untuk berpeluang memenangi hadiah ini.

No. kod: 3.4870.280618.29.7.2

Nama Penuh: _____

Jantina: Lelaki Perempuan Tarikh Lahir: _____/_____/_____
Hari Bulan Tahun

Alamat: _____

Poskod: _____ Bandar: _____

Nombor Telefon: Rumah: _____
 Bimbit: _____

Emel: _____ Tandatangan: _____

***Terma dan Syarat Kempen Pemasaran ("Kempen")**
 1) Kempen ini dianjurkan oleh Home Direct Shopping Sdn Bhd (1110325-V) ("Syarikat"). Pusat Perkhidmatan Pelanggan beralamat di 32A-2, Jalan PJS 9/2 Bandar Sunway, 46150 Petaling Jaya, Selangor dengan No. Lesen Jualan Langsung (Jualan Pesanan Pos) AJL 932090. 2) Kempen ini akan berlangsung dari 1 Jun 2018 hingga 30 Jun 2018 ("Tempoh Kempen"). Selepas tamat Tempoh Kempen, jika pesanan anda tidak dilayan untuk kempen ini, pesanan anda secara automatik akan dimasukkan ke dalam kempen baru kami yang akan datang (jika ada). 3) Kempen ini terbuka kepada warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas ("Pelanggan Berpeluang"). 4) Pelanggan Berpeluang (seperti yang ditakrifkan di dalam Terma dan Syarat Penuh) mempunyai peluang untuk memenangi hadiah-hadiah berikut: Satu Hadiah Utama berupa wang tunai sebanyak RM150,000.00; Satu Hadiah Tambahan Pertama wang tunai sebanyak RM30,000.00; atau Satu Hadiah Tambahan Kedua wang tunai sebanyak RM3,999.00. 5) Kempen ini akan terbahagi kepada empat (4) peringkat: a) Peringkat 1: Syarikat akan memberi peluang kepada Pelanggan Berpeluang untuk mengambil bahagian di dalam kempen ini dengan melakukan langkah-langkah seperti yang dinyatakan di dalam iklan di atas. b) Peringkat 2: Pelanggan Berpeluang hendaklah mendaftar dengan Syarikat sama ada dengan menelefon nombor telefon Syarikat ataupun menghantarkan kupon yang telah dilengkapkan ke alamat Syarikat. c) Peringkat 3: Setelah mendaftar, Pelanggan Berpeluang akan menerima melalui pos paket mel Syarikat yang akan mengandungi katalog-katalog Syarikat, bahan-bahan promosi serta Terma dan Syarat Penuh; dan d) Peringkat 4: Pelanggan Berpeluang hendaklah membuat pesanan berdasarkan katalog Syarikat dan membuat bayaran penuh bagi produk yang dipesan. Kriteria pemilihan pemenang adalah seperti yang ditakrifkan dalam Terma dan Syarat Penuh. 6) Dengan melengkapkan Kupon dan mengeposnya kepada Syarikat, Pelanggan Berpeluang bersetuju dengan terma-terma dalam **Notis Privasi Syarikat** bahawa data peribadi beliau yang dikumpul melalui proses ini boleh diproses, disimpan, dikumpul, digunakan oleh Syarikat, atau dizahirkan kepada pihak ketiga yang berkaitan termasuk tetapi tidak terhad kepada pihak yang bersekutu dengan Syarikat yang mungkin berada di luar Malaysia, bagi tujuan pengiklanan, kempen promosi, pemasaran termasuk menerima katalog atau dokumen informatif Syarikat atau pihak ketiga. 7) Untuk maklumat lanjut, anda boleh merujuk kepada Terma dan Syarat Penuh, Polisi Pemuliharaan Syarikat dan Notis Privasi Syarikat yang akan dihantar selepas pendaftaran atau melalui laman web kami di www.bestproducts.my.



Kukuh hubungan dua hala

Trump mahu tingkat kerjasama Malaysia-AS

OLEH SHEEDA FATHIL

SHAH ALAM - Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump berhasrat mempertingkatkan lagi jalinan kerjasama dengan Malaysia di bawah kepimpinan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Pengarah Kanan Majlis Keselamatan Negara Asia, John Matthew Pottinger menerusi utusan khas kepada Kerajaan Malaysia berkata, Trump mengucapkan tahniah kepada rakyat Malaysia dan Tun Dr Mahathir atas kemenangan, dalam pilihan raya lalu.

"Saya berbesar hati menyerahkan surat berkenaan kepada kerajaan, hari ini (20 Jun).

"Menerusi surat itu, Trump menyatakan hasrat untuk meningkatkan lagi kerjasama antara kedua negara. Ini adalah sebab kenapa saya datang ke Malaysia," katanya memetik laporan BH Online.

Beliau yang dalam lawatan



kerja ke negara ini berkata, pertemuannya dengan pegawai kerajaan dan dewan perniagaan AS bertujuan membincangkan berkenaan suasana perniagaan, di Malaysia.

"Hubungan antara dua negara terjalin sejak dahulu lagi dan kita juga berkongsi nilai demokratik serta hubungan komersial yang dinamik.

"Hubungan dua hala ini melangkaui parti politik antara ke-

dua negara dan kami berharap kita akan terus bekerjasama memperkukuhkan hubungan ini," katanya.

Beliau berkata, Sidang Kemuncak ASEAN pada November hadapan memungkinkan pertemuan pertama antara Trump dan Tun Dr Mahathir.

"Malaysia berhampiran Singapura, maka ada kemungkinan untuk kedua pemimpin ini bertemu," katanya.

Ramai gagal bezakan berita sahih

NEW YORK - Hanya suku golongan dewasa di Amerika Syarikat dapat membezakan kenyataan sahih atau pendapat dalam laporan berita, menurut Pusat Penyelidikan Pew dalam satu kajian, pada 19 Jun lalu.

Kajian itu membabitkan 5,035 orang dewasa Amerika berusia 18 tahun ke atas yang dijalankan pada Februari dan Mac lalu bertujuan menentukan sama ada mereka boleh membezakan antara maklumat berfakta atau sekadar pandangan dalam berita.

Mereka diberi lima kenyataan berfakta seperti perbelanjaan ke atas keselamatan sosial, Medi-

care dan Medicaid adalah peruntukan terbesar dalam bajet kerajaan Amerika serta lima kenyataan berbentuk pandangan seperti 'demokrasi adalah konsep terbaik dalam membentuk kerajaan'.

Responden kemudian diminta mengenal pasti kenyataan berfakta dan pandangan.


Hanya 26 peratus responden dapat mengenal pasti lima kenyataan berfakta, manakala 35 peratus mengenali lima yang berbentuk pandangan.

Kira-kira suku daripada mereka melakukan kesilapan dalam membezakan keduanya, menu-

rut kajian itu.

Ia juga mendapati, kemampuan peserta mengelaskan kenyataan berfakta atau pandangan kebanyakannya berdasarkan kepada kesedaran politik masing-masing, keyakinan kepada sesuatu media, tahap ilmu digital atau sejauh mana keyakinan menggunakan alat digital serta internet.

Hasil kajian itu didedahkan ketika semakin banyak pihak gusar dengan berita palsu di internet dan media sosial, merujuk kepada berita tidak benar serta tidak berasas tetapi dilaporkan seolah betul.



Kadar jenayah turun, Belanda tutup penjara

AMSTERDAM - Belanda bakal menutup sekurang-kurangnya empat penjara ekoran penurunan kadar jenayah di negara itu, menurut akhbar tempatan Algemeen Dagblad.

Akhbar itu menyatakan, Menteri Keadilan Belanda, Sander Dekker memutuskan untuk menutup penjara berkenaan yang terletak di kawasan perbandaran Zoetermeer, Zeist, Almere dan Zwaag, dekat sini.

Pejabat statistik kebangsaan Belanda, CBS menyatakan kadar jenayah di Belanda mencapai pa-

ras terendah sejak 1980, iaitu 49 jenayah bagi setiap 1,000 rakyat ketika ini.

Sebelum ini, Belanda pernah menyatakan rancangan untuk menutup 19 penjara pada 2013, namun mengundang kemarahan dalam kalangan kakitangan penjara yang bimbang kehilangan pekerjaan.

Bagi menyelesaikan masalah itu, Belanda terpaksa 'mengimport' banduan dari beberapa negara lain seperti Norway dan Belgium untuk memastikan penjara memiliki penghuni.

Krisis kemanusiaan di Yaman semakin buruk

SANAA - Wakil Khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) tiba di negara ini untuk mengadakan rundingan berhubung krisis bandar pelabuhan Hudaida.

Martin Griffiths tiba ketika pertempuran sengit terus berlaku antara tentera pakatan yang diketuai Arab Saudi dan Emiriah Arab Bersatu (UAE) dengan kumpulan militan Houthi yang bakal memburukkan lagi krisis kemanusiaan, di Yaman.

Beliau akan mengemukakan cadangan supaya pemimpin kumpulan militan menanggungkan pertempuran dan melepaskan kawalan terhadap pelabuhan berkenaan yang mengendalikan lebih 70 peratus import negara itu kepada jawatankuasa diselia PBB.

Ketika ini, kedua kumpulan meningkatkan serangan untuk menguasai Lapangan Terbang Hudaida, namun tentera Yaman melalui Twitter men-

Kedua kumpulan meningkatkan serangan untuk menguasai Lapangan Terbang Hudaida, namun tentera Yaman melalui Twitter mendakwa berjaya 'membebaskan lapangan terbang itu daripada cengkaman militan Houthi' dan pembersihan periuk api sedang dilaksanakan

dakwa berjaya 'membebaskan lapangan terbang itu daripada cengkaman militan Houthi' dan pembersihan periuk api sedang dilaksanakan.

Terdahulu, serangan tentera Arab Saudi dan UAE untuk menawan Hudaida yang dilancarkan mengorbankan banyak nyawa.



ESTERA

@BERNAM JAYA

Serlahkan Rahsia Alam Semulajadi



Rumah Link | 22' x 75' | Dari 2,152 kps
2 Tingkat & 2 1/2 Tingkat

PELANCARAN JUALAN

TARIKH
7 Julai 2018

MASA
9.00 PG. - 4.00 PTG.

TEMPAT
Galeri Jualan Bernam Jaya

waze : BERNAM JAYA

JAMUAN RINGAN DISEDIAKAN



54 Tahun Membina Komuniti, Memperkasa Kehidupan... Merealisasi Impian



PKNS

Bernam Jaya
Gerbang Utara Selangor



016 251 0113 011 1429 3079 013 939 0310 013 342 1098
017 380 9037 019 303 4342 013 323 2158

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Bahagian Jualan Hartanah Wilayah Tengah, Blok B, Tingkat 3, Bangunan Ibu Pejabat PKNS, No.2 Jalan Indah 14/8, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor | Tel. no : 03-5525 0300

No. lesen pemaju: 9062-105/05-2020/0470(L) Tarikh sah: 16/05/2018 hingga 15/05/2020 No.permit iklan jualan: 9062-105/05-2020/0470(P) Tarikh sah: 16/05/2018 hingga 15/05/2020. Pihak berkuasa yang meluluskan pelan bangunan: Majlis Daerah Hulu Selangor. No. kelulusan pelan: (18)d/m.MDHS.431/06/H/16/002-B Status hakmilik: Pajak selama 99 tahun berakhir pada 25 Februari 2113. Bebanan tanah: Bebas dari sebarang bebanan. Tarikh jangka siap: Disember 2019. Jenis: Rumah Link 2 Tingkat dan Rumah Link 2 1/2 Tingkat. Bilangan unit: 121 Unit (Rumah Link 2 Tingkat) 36 Unit (Rumah Link 2 1/2 Tingkat) Harga minima: RM 452,000 (Rumah Link 2 Tingkat) RM 589,700 (Rumah Link 2 1/2 Tingkat). Maksima: RM 500,000 (Rumah Link 2 Tingkat) RM 632,200 (Rumah Link 2 1/2 Tingkat). Sekatan-sekatan kepentingan: Tanah ini boleh dipindahmilik, dipajak atau digadai. IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA.

Warna-warni Rumah Terbuka Aidilfitri Selangor 2018





sentralis

DESTINASI *Pilihan Utama* DI SHAH ALAM

Sentralis adalah fasa terawal yang dilancarkan di TTDI Gateway. Ia terdiri daripada kediaman moden, pejabat dinamik dan lot retail. Alami gaya hidup yang anda idamkan di TTDI Gateway, Shah Alam.

Hanya **300m** berjalan kaki ke stesen LRT-3 (Akan Datang)



Gambaran Pelukis

sentralis LIFESTYLE SUITES

Luas binaan dari 656 - 1,474 kps

Kolam renang & gimnasium disediakan

Unit contoh sedia dikunjungi

sentralis STELLAR RESIDENCES

Luas binaan dari 719 - 1,081 kps

Kolam renang, gimnasium, taman permainan, ruang istirehat & laman disediakan


Unit contoh sedia dikunjungi

sentralis TRIVIUM AVENUE

Lot retail 4 tingkat

Tempat parkir yang mencukupi

Pembangunan Berorientasikan Transit



Sebahagian Daripada



Naza TTDI Sentralis Sdn Bhd (132215-K)
 8TH FLOOR, MENARA NAZA TTDI,
 NO. 11, JALAN JUDO 13/45, SEKSYEN 13,
 40100 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.
 T.+603 2787 7912

03-2727 7480
 ttdigateway@nazattdi.com
 www.ttdisentralis.com



NAZA TTDI
 VALUE. INNOVATION. QUALITY.

No. Lesen Pemaju: 14129-1/10-2018/02526 (L) • Tempoh Sah Dari 10/10/2017 Ke 9/10/2018 • No. Permit Iklan dan Jualan: 14129-1/10-2018/02526 (P) • Tempoh Sah Dari 10/10/2017 Ke 9/10/2018 • Pihak Berkuasa yang Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Bandaraya Shah Alam • No. Pelan Bangunan: MBSA/BGN/BB/600-2/SEK.13/0095-2015 • Hak Milik Pajak 99 Tahun (Tempoh Tamat: 22/1/2102 • Bebanan Tanah: Ditukarkan Kepada Maybank Berhad • Jenis Pembangunan: Apartmen Servis • Dijangka Siap Pada September 2018 • Jumlah Unit: 260 • Luas Binaan: 719 kps - 1,081 kps • Harga Jualan (min) RM575,000 (maks) RM1,068,000 • Diskaun Bumiputera: 7% • Sekatan: Tanah ini tidak boleh dipindahmilik atau ditukarkan tanpa kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.

Giat promosi

Optimis tarik pelancong China

OLEH SHEEDA FATHIL

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri mensasarkan 900,000 pelancong dari China bakal berkunjung ke Selangor, pada tahun ini, kata Datuk Abdul Rashid Asari.

Exco Kebudayaan dan Pelancongan, Peradaban Melayu serta Warisan itu berkata, pelancong dari China menyum-

bankan statistik tertinggi berkunjung ke Selangor, sejak dua tahun lalu.

Katanya, sejumlah 293,605 pelancong dari negara itu direkodkan berkunjung ke negeri ini, bagi tempoh Januari hingga Mac lalu.

"Dengan semua inisiatif yang ada di Selangor, maka kita dapat meningkatkan ketibaan pelan-

cong dari China, pada tahun ini," katanya dalam kenyataan.

Terdahulu, beliau menghadiri Majlis Makan Malam Selamat Datang membabitkan 1,300 pelancong China dari Kumpulan Insentif Perfect China 2018 anjuran Tourism Selangor, di Pusat Konvensyen Shah Alam.

Majlis itu bertujuan mempromosi Selangor sebagai destinasi

pilihan untuk pelancong dari China apabila melawat Malaysia, pada masa akan datang.

Ia turut memberi peluang kepada peserta mengambil bahagian mencuba masakan tradisional Selangor seperti Nasi Ambeng.

Selain itu, ia turut mempromosi lokasi menarik di Selangor antaranya Kelip-Kelip Kampung

Kuantan dan SkyMirror, sekali gus menggalakkan lebih banyak produktiviti pasaran.

Sementara itu, Tourism Selangor optimis meningkatkan bilangan pelancong dari China dengan sokongan kempen pemasaran digital menggunakan Weibo dan Wechat yang kini memiliki hampir 30,000 pengikut, dari negara terbabit.

Singkap sejarah Kesultanan Selangor di Bukit Melawati

SHAH ALAM - Tidak lengkap jika berkunjung ke Kuala Selangor tanpa melawat muzium sejarah yang terletak, di puncak Bukit Melawati.

Muzium yang dahulunya adalah kediaman rasmi pegawai daerah Kuala Selangor sekitar 1960an yang kemudiannya diubah suai pada 2006 untuk dijadikan muzium bersejarah Kesultanan Selangor.

Di muzium itu tersimpan sejarah berkenaan pembukaan Kota Melawati yang juga pusat pentadbiran awal Selangor sejak ia diasaskan Raja Lumu, Sultan Sallehuddin, sekitar 1766.

Kota Melawati yang kini beru-

sia lebih 200 tahun menjadi mercu tanda perkembangan awal institusi Kesultanan Selangor sehingga terjadinya pemindahan pusat pentadbiran ke Bukit Jugra, Kuala Langat ketika pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor keempat, Sultan Abdul Samad Tengku Abdullah.

Menariknya, muzium itu menyimpan sejarah penubuhan Selangor yang disusun secara kronologi melalui pameran yang dibahagikan kepada tujuh seksyen.

Menerusinya, pengunjung boleh mengetahui sejarah nama Selangor, peristiwa penaklukan Kota Melawati oleh Belanda dan

serangan balas Sultan Ibrahim yang dapat menakluk kembali Kota Melawati, dalam masa sehari.

Bagaimanapun, ia tidak hanya tertumpu pada pameran muzium sahaja, pengunjung turut berpeluang melihat sendiri kesan artifak peninggalan sejarah di sekitar puncak Bukit Melawati yang menandakan wujudnya kota pentadbiran dan pertahanan negeri, suatu masa dahulu.

Batu hampar antara peninggalan sejarah yang masih terpelihara dan terletak di tengah kawasan lapang dipercayai sebagai halaman istana.

Untuk makluman, batu hampar pernah digunakan sebagai tempat menjatuhkan hukuman kepada pesalah dan tempat sultan melepaskan waktu berehat.

Selain itu, di puncak bukit itu terdapat benteng kubu pertahanan dibina ketika Kota Melawati diserang Belanda dan tangga seratus yang dipercayai digunakan pedagang untuk ke istana sultan selepas menambat perahu, di Pengkalan Batu Buruk.

Terdapat juga perigi beracun yang dikatakan pernah digunakan untuk menghukum penderhaka sultan dengan merendarkannya ke dalam perigi sehingga

paras dagu dan di dalamnya terdapat ramuan beberapa jenis getah serta miang rebung.

Pada masa sama, pengunjung juga boleh melawat ke makam Sultan Selangor bermula dari Sultan Sallehuddin hingga Sultan Muhammad Shah.

Muzium Sejarah Kuala Selangor dibuka setiap hari, bermula jam 9.30 pagi hingga 5.30 petang.

Tiada bayaran masuk dikenakan kepada pengunjung, manakala permohonan bagi lawatan berpandu boleh dihantar kepada pentadbiran muzium menerusi e-mel ke info@padat.gov.my atau hubungi 03-32896115.

Trail Run & Duathlon 2018

Larian lasak sambil berbasikal

OLEH SHEEDA FATHIL

SHAH ALAM - Perbadanan Kemanusiaan Negeri Selangor (PKNS) bakal menganjurkan larian Trail Run & Duathlon 2018, di Bernam Jaya, Hulu Selangor, pada 21 hingga 22 Julai ini.

Ketua Pegawai Operasinya, Norita Mohd Sidek berkata, program julung kali diadakan itu bertujuan memupuk kehidupan sihat dan memperkenalkan Bernam Jaya kepada orang ramai.

"Bernam Jaya yang juga lokasi strategik antara Selangor dan Perak itu adalah pusat pertumbuhan baharu PKNS yang sedang giat dibangunkan.

"Penganjuran program ini bertujuan memperkenalkan lokasi itu yang berpotensi sebagai salah satu destinasi ideal berkonsepkan pusat aktiviti lasak, sekali gus mendorong masyarakat mengamalkan aktiviti

dan gaya hidup sihat," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Sidang Media PKNS Trail Run & Duathlon 2018, di Laman PKNS, di sini, pada 25 Jun lalu.

Majlis turut dihadiri Pengurus Besar Pembangunan Wilayah Tengah, Azmi Adnan; Pengerusi Urusetia, Saharom Mohni dan Penganjur Acara, Mohd Azlishah Abdullah.

Pada masa sama, Norita berkata, terdapat dua kategori dipertandingkan meliputi PKNS Trail Run terbuka lelaki dan wanita bagi acara larian 21 kilometer (km), 10km dan 5km, pada 21 Julai ini.

Manakala, katanya, acara berbasikal sambil berlari Trail Duathlon pula diadakan pada 22 Julai ini membabitkan kategori terbuka lelaki dan wanita.

"Trail Duathlon membabitkan dua disiplin itu bermula larian lima km, berbasikal 20km dan diteruskan



dengan larian terakhir sejauh lima km sebelum ke garisan penamat.

"Sehingga hari ini, PKNS sudah menerima 500 penyertaan terdiri daripada pelbagai peringkat umur dan negeri," katanya.

PKNS Trail Run & Duathlon menawarkan hadiah keseluruhan RM72,000 kepada bakal pemenang.

Penyertaan terbuka kepada warganegara Malaysia berusia 18 tahun dan ke atas dengan yuran

penyertaan bagi acaran Trail Run untuk kategori 21km RM100; 10km (RM60); lima km (RM30) dan Trail Duathlon pula RM150.

Kepada mereka yang berminat, sila daftarkan penyertaan di laman sesawang www.raceXasia.com, sebelum atau pada 10 Julai ini.

Sebarang maklumat lanjut sila layari akaun Facebook PKNS Trail Run & Duathlon 2018, hubungi 0164642502 atau e-mel kepada equipmgt@gmail.com.



Khalil, elit dalam lukisan 'kampungan'

OLEH ABDULLAH JONES

Cerita legenda yang kami dengar lama dulu, beliau melukis di pasar malam. Pada suatu hari, pasar malam itu dilawati seorang sultan. Setelah melihat hasil kerjanya, sultan berkenan untuk membiayai persekolahannya, lalu beliau dihantar ke luar negara bagi mempelajari seni lukis dengan lebih serius.

Kami bercerita fasal Khalil Ibrahim, maestro seni lukis negara yang tidak berapa lama meninggalkan kita pada 15 Mei lalu. Kami yakin tidak ramai yang di luar lingkungan seni catan tahu akan kewujudannya, apatah lagi pemergian beliau baru-baru ini.

Cerita legenda yang kami dengar tadi sebenarnya tidak ada bukti nyata. Ia diceritakan kepada kami oleh seorang seniman seangkatan Khalil.

Khalil dilahirkan di Kelantan dan mendapat biasiswa dari kerajaan Pahang untuk melanjutkan pelajaran ke Sekolah Seni St. Martin di England. Beliau ke sana pada 1960 dan kembali ke tanah air pada 1966.

Sekembalinya dari luar negara, beliau bertugas sebagai guru di Temerloh, Pahang sebelum memilih Kuala Lumpur sebagai pusat kegiatannya.

Baru-baru ini, kami diberikan lawatan peribadi di Balai Seni Negara oleh Ameruddin Ahmed, kurator di bahagian perolehan dan pembaikpulihan Balai Seni Negara.

Untuk pengetahuan, Balai Seni Negara menyediakan *guided tour* kepada pelawat. Kamu akan mendapati kakitangan Balai Seni Negara berada di semua pintu masuk bilik pameran. Apa yang perlu dilakukan adalah memberitahu kepada mereka yang kamu memerlukan seorang "pemandu seni" dalam lawatan dan mereka dengan senang hati memenuhi saranan itu.

Khalil amat dikenali sebagai seorang pembatik selain pelukis yang ahli dalam media cat air, cat minyak dan cat akrilik. Beliau juga mahir dalam penggunaan pen serta warna air.

Pantai Sabak adalah *muse* kepada pelukis ini dan ia menjadi tema yang sering diulang beliau dalam kebanyakan karyanya. Karya-karyanya sangat merakyat, malah beliau memilih untuk memaparkan suasana kampung dan mereka yang ada di dalamnya.

Ini menjadi tanda tanya mengapa Khalil



Khalil amat dikenali sebagai seorang pembatik selain pelukis yang ahli dalam media cat air, cat minyak dan cat akrilik. Beliau juga mahir dalam penggunaan pen serta warna air

tidak menjadi elitis setelah kembali dari luar negara dengan menumpukan dalam menghasilkan karya-karya abstrak semata-mata seperti rakan-rakan seangkatan beliau, antaranya Ibrahim Hussein dan Syed Ahmad Jamal.

Satu teori adalah kerana keluarganya berasal daripada Indonesia, maka — agaknya — kerana terbawa-bawa dengan sifat memperjuangkan marhaen

yang sememangnya terkenal dalam kalangan seniman dari tanah seberang, maka beliau memilih untuk menghasilkan karya yang lebih "kampungan".

Bagaimanapun, beliau ada menghasilkan beberapa karya abstrak.

Pameran Kepergian Khalil Ibrahim sedang berlangsung di Balai Seni Negara. Kami sarankan semua datang melihat karya-karya beliau yang bagi melihat dan menghargai karya seorang seniman yang benar-benar bekerja untuk seni. Karya beliau sedang melambung tinggi sebelum beliau meninggal dunia. Bak kata orang, — semestinya — setelah seniman itu meninggal dunia, harga karyanya melambung berlipat kali ganda. Sebelum ia dibeli oleh para kolektor dan disimpan dari mata orang ramai, elok kiranya kamu datang ke pameran tersebut.

Salam takziah buat ahli keluarga seniman Khalil Ibrahim. Semoga rohnya dicucuri rahmat.

Lelaki bermain sihir

Lelaki yang bermain sihir tangkasnya di gelung retina walau terangnya bermain di pentas debat dan mereka terpegun lagi pada sinar yang tersembunyi dalam topi muslihat.

Menyusur dinihari jujur dia sedikit gentar mengenal resah pada siangnya lalu menyembunyikan cahaya di sebalik cerminan curang.

Dia sekali lagi bermain sihir di pentas kuasa dengan mantera mengelirukan halwa.

Ah! jujur semakin mati ditelan bahang akibat penyihir nista.

Kami memandang juling pada keliru sinar memancar tajam di cerminan segi tiga berserakan kilauan yang cantik dan berseri lalu terpanar oleh goda biasan pemain sihir dan kami terlupa lagi pada cahaya yang lalu.

Shamsul Idham Jamil
Kuching





f i #FESTIRA18

LEBIH
2 JUTA

PENGUNJUNG MENGGEGARKAN
FESTIVAL RAMADAN SELANGOR 2018 (FESTIRA'18)



KOMPLEKS
PKNS
Shah Alam



KOMPLEKS
PKNS
Bangi

TERIMA KASIH



PKNS



PARK HERE
Ride This Way

inteam
RECORDS

PARA PENGUNJUNG, PENIAGA- PENIAGA SACC MALL, PERSATUAN PENIAGA KOMPLEKS PKNS SHAH ALAM,
PENIAGA-PENIAGA KOMPLEKS PKNS BANGI DAN SEMUA YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK LANGSUNG
DALAM MEMERIAHKAN FESTIRA'18

JUMPA LAGI DI FESTIRA'19!



Smart Selangor Parking

Kuat kuasa di lima PBT bulan hadapan

OLEH NAEEM RAFFI

SHAH ALAM - Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) melalui SSDU Inovations Sdn Bhd bakal melaksanakan sistem Smart Selangor Parking (SSP) di lima Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), bermula 1 Julai ini.

Pengarah Urusannya, Dr Fahmi Ngah berkata, sistem bayaran parkir dan kompaun integrasi dalam talian menerusi aplikasi telefon pintar itu adalah saluran tambahan kepada penggunaan kupon parkir serta pembayaran kompaun parkir.

Katanya, SSP Fasa 1 itu membabitkan parkir *on-street* di Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Majlis Perbandaran Sepang, Majlis Perbandaran Kajang dan Majlis Perbandaran Selayang.

"Melalui SSP, pengguna boleh tambah nilai ke dalam satu akaun dalam talian menerusi aplikasi telefon pintar untuk membayar caj dan kompaun letak kereta di parkir *on-street*, di PBT terbabit.

"Pengguna juga boleh menambah kredit SSP menggunakan kaedah perbankan dalam

talian seperti Maybank2u, CIMB Clik, Ambank Online dan e-wallet *Boost*," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas Majlis Pelancaran Sistem SSP Fasa 1, di Hotel Holiday Inn, Seksyen U1, Glenmarie, di sini, pada 27 Jun lalu.

Pada masa sama, Dr Fahmi berkata, pembangunan SSP selaras komitmen Kerajaan Negeri menjadikan Selangor sebagai Smart State, menjelang 2025.

Katanya, sistem itu juga memudahkan pembayaran caj dan kompaun kerana pengguna

tidak perlu mencari ejen jualan kupon atau kiosk pembayaran caj parkir.

"Sebaliknya, caj parkir dan kompaun boleh dilunaskan di hujung jari melalui satu aplikasi sahaja iaitu SSP," katanya.

Aplikasi SSP boleh dimuat turun menerusi Apple AppStore atau Google Playstore, manakala bagi pengguna yang tidak mempunyai telefon pintar boleh membuat bayaran menerusi khidmat pesanan ringkas dengan menghantar SMS ke +061110323278 menerusi format <PBT No. Plat Kenderaan Jam>.



MPK sita dua premis judi

KLANG - Majlis Perbandaran Klang (MPK) menyita dua premis perjudian dalam Operasi Pelesenan Perniagaan, di Kapar selepas didapati menyalahgunakan lesen perniagaan.

Setiausaha MPK, Adi Faizal Ahmad Tarmizi berkata, melalui serbuan itu, sebanyak 15 mesin judi dirampas daripada kedua premis berkenaan.

Katanya, premis itu didapati mempunyai lesen perniagaan pusat hiburan bagi permainan dart dan snuker, namun sebaliknya mereka menjalankan perniagaan perjudian menggunakan mesin slot.

"Oleh itu, kami bertindak menyita dua premis berkenaan selain merampas mesin judi," katanya dalam kenyataan.



Beliau berkata, pemilik premis berkenaan juga akan disenaraihitamkan kerana melanggar peraturan ditetapkan.

"Biasanya premis itu beroperasi pada sebelah malam, bagaimanapun kita dapati ia turut beroperasi, pada sebelah siang," katanya.

Sehingga kini, MPK menjalankan pemeriksaan terhadap 72 lokasi dan sebanyak 16 premis yang menjalankan perniagaan tanpa lesen disita.

MPSJ periksa 2,200 premis makanan



SUBANG JAYA - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) membuat pelbagai pemeriksaan ke atas lebih 2,200 premis makanan di kawasan pentadbirannya, setiap bulan.

Timbalan Yang Dipertuanya, Mohd Zulkurnain Che Ali berkata, semua premis berkenaan diperiksa mengikut jadual harian dilakukan 30 anggota penguat kuasa Bahagian Kesihatan MPSJ.

"Hasil pemeriksaan itu, kita akan mengadakan mesyuarat bulanan bersama ahli majlis dan pihak berkaitan bagi mendapatkan pandangan mereka berhubung pemeriksaan terbabit.

"Pemeriksaan dilakukan setiap hari dan ia dilakukan secara mengejut tanpa dimaklumkan kepada pemilik," katanya dalam kenyataan.

Mohd Zulkarnain berkata, antara yang akan diperiksa termasuk pengendalian makanan, kebersihan dalam premis, kemudahan perangkap minyak, sinki, tandas dan penyelenggaraan udara, dalam kedai.

Katanya, selain itu turut dinilai ialah kadar pencahayaan dan keadaan lantai serta syiling dalam premis makanan.

"Semua premis akan diberi gred bermula daripada A hingga D mengikut tahap kebersihan masing-masing.

"MPSJ terpaksa membuat pemeriksaan ini setiap hari memandangkan ada pemilik premis makanan yang culas apabila hari ini kita buat pemeriksaan, kedai mereka bersih, namun esoknya menjadi kotor, mahu atau tidak, pemeriksaan mengejut perlu dilakukan, setiap hari," katanya.

Terminal bas seksyen 17 dijangka beroperasi Julai



SHAH ALAM - Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) menjangkakan Terminal Bas Seksyen 17, di sini, bakal beroperasi pertengahan

Julai ini.

Dato' Bandar MBSA, Dato' Ahmad Zaharin Mohd Saad berkata, bagaimanapun pihaknya perlu mendapatkan Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) daripada agensi luar seperti bomba dan Indah Water Konsortium (IWK).

"Kerja naik taraf sudah siap sepenuhnya, namun sokongan teknikal daripada agensi luar perlu diperoleh keseluruhannya. Setakat ini, dua agensi lagi belum memberikan komen, iaitu Syarikat Bekalan Air Selangor dan IWK.

"Sejurus CCC siap, kita perlukan tempoh sebulan untuk vendor pasang sistem tiket, iaitu Terminal Management System (TMS), justeru kita jangka paling awal ia beroperasi sekitar pertengahan Julai ini" katanya kepada SelangorKini.

Katanya, sistem itu akan memberi

Setakat ini, sebanyak 24 syarikat bas dikenal pasti akan beroperasi di terminal itu dan kita masih menerima permohonan dari beberapa syarikat lain

AHMAD ZAHARIN
Dato' Bandar Shah Alam

kemudahan pembelian dan penempatan tiket secara dalam talian yang lebih mudah, menjimatkan masa dan mengurangkan kaunter.

Ahmad Zaharin berkata, secara tidak langsung, kaedah itu memberi peluang kepada pengguna untuk membeli tiket tanpa gangguan daripada peraih atau ulat tiket.

"Setakat ini, sebanyak 24 syarikat bas dikenal pasti akan beroperasi di terminal itu dan kita masih menerima permohonan daripada beberapa syarikat lain," katanya.

CORPORATE PARK @ RAWANG

KILANG / PEJABAT KORPORAT 4 TINGKAT

10% Diskaun Untuk Bumiputera

Keluasan Tanah : Dari 11,770 k.p
Keluasan Bangunan : Dari 8,839 k.p
Harga Dari **RM4,764,129.00**

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Nautical Wealth
investment & development

03 6243 6882 (Pejabat)
017 776 6817 (Pejabat)
012 262 6793 (FM Lau)

Laman Web : www.nauticalwealth.com
E-mel : enquiry@nauticalwealth.com

Gaya Hidup Sempurna

PJ MIDTOWN
APARTMEN SERVIS



HUBUNGI KAMI!
Pakej Bumiputera Disediakan

Gabungan kediaman dan unit komersil seluas 5.5 ekar yang berpotensi tinggi

Memperkenalkan PJ Midtown, sebuah pembangunan moden dan serba lengkap yang terletak dalam Seksyen 13, Petaling Jaya. PJ Midtown adalah lambang kepada kesempurnaan hidup yang berterusan, direka untuk memenuhi gaya hidup keluarga, perniagaan dan juga profesional.



Harga Bermula Daripada **RM498,000***
Siap Awal 2019



Pemaju bertaraf dunia



Dek fasiliti seluas 140,000 kps



Dilengkapi premis perniagaan serta restoran



Sistem sekuriti 24-jam



Hingga 3 parkir disediakan*



Berteraskan kehijauan

+603 78439898
pjmidtown.com

Unit Contoh Sedia Dikunjungi:
Oasis Gallery

2A, Jalan PJU 1A/2, Oasis Damansara, 47301 PJ.
Dibuka Setiap Hari 9 pg. - 6 ptg.



PJ Midtown, Jenis: Pangsapuri Berservis, Jumlah unit: 520 unit, Tarikh Jangka Siap: Januari 2019, Bebanan tanah: Public Bank Berhad, Pegangan Tanah: 99 tahun (Tarikh luput - Jun 2113), No. Lesen Pemaju: 13607-1/08-2018/02045(L), Tempoh sah: 04/08/2017 - 03/08/2018, Badan Penguatkuasa Pelan Bangunan: Majlis Perbandaran Petaling Jaya, Nombor Pelan Kelulusan Bangunan: MBPJ/120100/TP10/723/2013, Dimajukan oleh: PJ Midtown Development Sdn Bhd., Oasis Gallery, No. 2A, Jalan PJU 1A/2, Oasis Damansara, 47301 Petaling Jaya, Selangor, Harga jualan: RM 567,840 (Min) - RM 1,516,680 (Max), Bumiputera Diskaun: 10% Bumiputera Diskaun (Tertakluk Pada Kuota), Sekatan Kepentingan: Tiada, Semua ilustrasi adalah gambaran pelukis sahaja, Kandungan di dalam risalah ini adalah juga tertakluk kepada pengemaskinian sekiranya yang dikehendaki oleh pihak berkuasa atau pihak arkitek yang dilantik oleh pemaju tanpa sebarang notis, Walaupun perhatian sepenuhnya telah diberikan dalam penyediaan maklumat di dalam iklan ini, pemaju tidak dipertanggungjawabkan terhadap sebarang variasi. *Tertakluk kepada terma dan syarat.



Janji Nurul Izzah

Komited martabat TVET

OLEH SYAZWANI SUFIAN

SHAH ALAM - Pengerusi baharu Jawatankuasa Pemerikasaan Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional Malaysia (TVET), Nurul Izzah Anwar bertekad mengangkat martabat TVET dan sijil berkaitannya ke peringkat tertinggi, di negara ini.

Katanya, langkah awal mengambil kira maklum balas semua pihak berkepentingan termasuk pelajar, tenaga pengajar, pekerja dan ketua pengarah.

"Kita tahu lebih setengah juta anak Malaysia berada di luar lingkungan pendidikan formal, maka menjadi tanggungjawab kita untuk mengangkat TVET supaya lebih ramai menyertainya.

"Menjadi hasrat saya memperbaiki segala kemungkinan kelompongan yang ada supaya akhirnya pemegang sijil TVET berbangga dan dipandang tinggi setaraf mereka yang mempunyai ijazah," katanya


kepada pemberita selepas sidang media di Kementerian Pendidikan, baru-baru ini.

Beliau berkata, TVET mempunyai banyak potensi sehingga mampu mencapai tahap tinggi seperti di Jerman dan Australia.

Nurul Izzah turut menolak TVET hanya keupayaan kelas kedua, sebaliknya menegaskan ia tanggungjawab bersama untuk menaik taraf kelayakannya sehingga mampu diangkat ke kelas pertama.

"Pada masa sama, hal ini mampu mengharumkan nama Malaysia selari dengan persiapan kita ke arah Revolusi Perindustrian Keempat (Industri 4.0)," katanya.

Terdahulu, Kementerian Pendidikan melantik Ahli Parlimen Permatang Pauh itu sebagai pengerusi untuk mengemudi TVET yang berperanan menyediakan laporan memperkasa dan menaik taraf program berkenaan.



TVET berperanan mempersiapkan tenaga dalam kalangan pelajar ke arah Revolusi Industri 4.0

iCGPA tidak lagi wajib di universiti awam

SHAH ALAM - Kementerian Pendidikan mengumumkan Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu (iCGPA) kini tidak lagi wajib dilaksanakan di universiti awam, berkuat kuasa 21 Jun lalu.

Menterinya, Dr Maszlee Malik berkata, keputusan itu diambil selepas pihaknya mengadakan sesi perkongsian dan pengkajian semula bersama kakitangan aka-

demik, pensyarah serta pelajar daripada beberapa institusi juga badan berkenaan berhubung pelaksanaan program terbabit.

"Berdasarkan pengkajian semula itu, kita dapati sejak dilaksanakan tumpuan pensyarah beralih daripada tugas utama seperti mengajar, menjalankan kajian, menyelia siswazah dan berkhidmat kepada masyarakat semakin diabaikan kerana usa-

ha pemantauan aktiviti pelajar lebih diutamakan.

"Oleh itu, dalam usaha memberikan kebebasan akademik, maka saya mengambil keputusan membenarkan pihak universiti memilih sama ada ingin meneruskan atau memberhentikan program terbabit, bermula hari ini," katanya.

Katanya, universiti perlu mencapai keputusan konsensus bersama ahli akademik masing-masing jika mereka ingin meneruskan program itu.

Maszlee berkata, jika ingin menghentikan iCGPA, maka kementerian mencadangkan dana lebih daripada

program berkenaan sedia disalurkan ke perpustakaan universiti masing-masing.

"Hal ini akan dapat menambah lebih banyak buku dan jurnal antarabangsa yang lebih bermutu serta berkualiti tinggi dalam membantu pelajar juga pensyarah membuat kajian dan penulisan mereka. "Keputusan ini juga akan dapat memberi ruang kepada pensyarah untuk kembali menumpukan usaha dan peranan tugas hakiki mereka.

"Selaras dengan itu, pensyarah tidak lagi dibenarkan untuk dipertanggungjawab-

kan mencari sumber kewangan seperti diarahkan sebelum ini kerana ia bertentangan daripada tugas mereka," katanya.



WORLDWIDE HOLDINGS (6430-P)

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor yang berdaftar mengikut syarat-syarat pendaftaran di bawah dan syarikat kontraktor hendaklah dimiliki 100% oleh rakyat tempatan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini untuk kerja-kerja berikut:-

No	Butir-Butir Tawaran	Syarat-Syarat Pendaftaran	Harga	Tarikh dan Tempat Pembelian Dokumen Tender
A	<p>No Tender: WHB/PU/OT/ENV/05/18</p> <p>PROPOSED TO SUPPLY AND DELIVER EARTH MATERIAL AT TANJUNG DUABELAS SANITARY LANDFILL (TG12SL), LOT12194,12195 & 12196 MUKIM TANJUNG DUABELAS, DAERAH KUALA LANGAT, SELANGOR DARUL EHSAN.</p>	<p>SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)</p> <p>(Kontraktor dikehendaki untuk membawa cop syarikat & sijil SSM sewaktu pembelian tender dokumen)</p> <p>Mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman yang serupa di bidang berkaitan)</p>	<p>Bayaran Dokumen Tender RM 100.00 kepada WORLDWIDE HOLDINGS BERHAD (Bayaran dalam bentuk cek dan tidak akan dikembalikan)</p>	<p>27 Jun 2018 sehingga 2 Julai 2018</p> <p>Di pejabat: JABATAN PEROLEHAN LOT 01-03-01 WORLDWIDE HOLDINGS BERHAD No.1, Worldwide @ 7 Lot 24, Jalan Lazuardi 7/29</p> <p>Seksyen 7, 40000 Shah Alam Selangor Darul Ehsan</p> <p>T: 03-5510 2525 F: 03-5510 4448</p> <p>Waktu Pejabat: Isnin - Jumaat 9.00pg - 12.30tgh 2.30ptg - 5.00ptg</p>

Dokumen yang lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bertakri dan bertanda dengan tajuk kerja dan nombor tender berkenaan pada sebelah atas kiri sampul dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat berikut:-

TENDER BOX B
JABATAN PEROLEHAN
LOT 01-03-01
WORLDWIDE HOLDINGS BERHAD
NO 1 WORLDWIDE@7
JALAN LAZUARDI 7/29
40000 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

No. Tel : 03-5510 2525 No. Fax 03-5510 4448

Tarikh Tutup Tender:-
Sebelum atau pada jam
12.00 pm
6 Julai 2018
(Jumaat)

1. Dokumen Tender yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.
2. Pihak Worldwide Holdings Berhad tidak terikat menerima Sebutbarga terendah atau mana-mana Sebutbarga.

Bantu asnaf terima pendidikan terbaik

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) memperuntukkan RM203 juta bagi pembiayaan pendidikan asnaf, di negeri itu, tahun ini.

Ketua Devisyen Pembangunan Asnaf LZS, Zaharudin Salim berkata, RM83 juta diagihkan untuk latihan dan dermasiswa, sementara RM120 juta bagi pembangunan pendidikan.

Katanya, LZS membantu asnaf melalui pendidikan kerana ia langkah paling efektif mengeluarkan mereka daripada belunggu kemiskinan.

"Pada 2017, LZS memperuntukkan RM104 juta bagi melahirkan generasi kedua asnaf yang cemerlang melalui pendidikan.

"Bantuan pembangunan pelajar bagi anak asnaf Selangor bermula sejak awal termasuk pemberian bantuan keperluan

pendidikan, biasiswa pelajaran, dermasiswa belajar dalam dan luar negara, dermasiswa hafiz al-Quran serta dermasiswa pelajar cemerlang," katanya kepada SelangorKini.

Beliau berkata, anak asnaf cemerlang yang ditawarkan ke sekolah berasrama penuh akan dibantu melanjutkan pengajian ke luar negara, termasuk Eropah dan negara Timur Tengah.

Pada masa sama, katanya, LZS kini merancang melahirkan huffaz profesional dalam kalangan anak asnaf, tidak lama lagi.

"Mana tahu, satu hari nanti kita akan punyai menteri besar yang boleh menghafaz al-Quran atau doktor dan ilmuwan lain adalah huffaz, namun mereka dalam golongan profesional kerana diberi pendidikan terbaik,"katanya.

Dekatkan masyarakat dengan al-Quran

Jalankan tadarus setiap bulan

OLEH NADIAH ZAMLUS

SHAH ALAM - Program tadarus al-Quran perlu diadakan setiap bulan bukan hanya ketika Ramadan, kata Exco Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga, Dr Siti Mariah Mahmud.

Katanya, program itu boleh dianjurkan jawatankuasa masjid juga sekolah bagi mendekatkan masyarakat Islam dengan al-Quran.

"Al-Quran adalah makanan jiwa. Selain bertadarus, saya juga berhasrat kelas tadabbur dianjurkan sama kerana ramai yang membaca al-Quran, namun tidak mempraktikkannya dalam kehidupan seharian kerana tidak memahami isi kandungan dan maksudnya.

"Jika ada kelas tadabbur, saya yakin masyarakat kita akan bertambah baik kerana mereka fa-

ham dengan al-Quran," katanya ketika Program Khatam al-Quran Perdana dan Diskusi Muslimat Selangor, di Masjid Seksyen 7, di sini, pada 12 Jun lalu.

Program anjuran Jabatan Agama Islam Selangor itu dihadiri 1,000 peserta, termasuk penjawat awam Selangor dan diserikan dengan penceramah terkenal iaitu Datuk Dr Norhafizah Musa serta Prof Madya Dr Sharifah Norhayaati Syed Ismail Al-Qudsy.

Pada masa sama, Dr Siti Mariah mahu golongan wanita mendalami ilmu agama dengan sebaiknya bagi membentuk keluarga bahagia.

"Ini penting kerana masalah sosial adalah isu yang sangat ditakuti pada waktu ini, jadi apabila wanita mengukuhkan agamanya, maka dia akan mendidik keluarga termasuk anak dengan lebih baik," katanya.



Al-Quran adalah makanan jiwa. Selain bertadarus, saya juga berhasrat kelas tadabbur dianjurkan sama kerana ramai yang membaca al-Quran, namun tidak mempraktikkannya dalam kehidupan seharian kerana tidak memahami isi kandungan dan maksudnya.

DR SITI MARIAH MAHMUD
Exco Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga

Al-Quran Braille ke luar negara



SHAH ALAM - KL Braille Resources Sdn Bhd mengedarkan kira-kira 160 naskah al-Quran Braille untuk golongan Orang Kelainan Upaya cacat penglihatan, di luar negara.

Pengarahnya, Dato' Mah Hassan Omar berkata, edaran itu atas permintaan, tajaan dan sumbangan daripada pelbagai pihak yang ingin membantu umat Islam cacat penglihatan dalam pengajian al-Quran.


"Tahun lalu, kita menghantar 100 naskah al-Quran Braille ke Thailand, manakala 60 naskah lagi ke Pakistan, sehingga Mei lalu.

"Hal ini bertujuan memberikan galakan kepada mereka membaca al-Quran dalam tulisan Braille," katanya pada Majlis Tilawah Al-Quran Braille Peringkat Kebangsaan, di sini, baru-baru ini.

Mah Hassan berkata, pihaknya juga memberikan al-Quran Braille secara percuma kepada golongan yang memerlukan, di Malaysia.

"Mereka boleh hubungi pejabat kami dan kita akan berikan secara percuma.

"Sokongan dan bantuan dari pelbagai pihak amat kami mengaluhi supaya lebih ramai golongan cacat penglihatan dapat dibantu," katanya.



KL BRAILLE RESOURCES

Lunas zakat dapat hadiah

KEMPEN MyZakat@8
TAKSIR, TUNAI, BEMPURNA

TEMPOH KEMPEN 17 MEI - 17 JULAI 2018

- Tempat Pertama: 1x KOMPUTER RIBA Bernilai RM2,000
- Tempat Kedua: 1x TELEFON BIMBIT Bernilai RM1,500
- Tempat Ketiga: 1x TABLET Bernilai RM1,000

7 Hadiah Saguhati | Baucer Bernilai RM100 Setiap Pemenang

PERCUMA KHIDMAT TAKSIRAN

WHATSAPP: Maklumat Bayaran Zakat Perniagaan Ke 011-2075 4557

Talian Zakat Selangor: 1 300 88 4343

www.zakatselangor.com.my

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) terus efisien menggalakkan masyarakat Islam melunaskan zakat perniagaan dan saham menerusi kempen khas MyZakat@8, bermula 17 Mei hingga 17 Julai ini.

Menerusi kempen itu, pembayar zakat juga berpeluang memenangi pelbagai hadiah menarik, iaitu komputer riba bernilai RM2,000 bagi tempat pertama, sementara telefon bimbit bernilai RM1,500 untuk tempat kedua dan tempat ketiga tablet bernilai RM1,000.

Turut disediakan tujuh hadiah saguhati berbentuk baucer bernilai RM100 untuk setiap pemenang.

"Tunai zakat dan anda berpeluang memenangi hadiah menarik melalui Kempen MyZakat@8, mana tahu rezeki anda.

"Dengan zakat, rezeki dan perniagaan akan lebih subur serta berkembang.

"Jom sama-sama sertai kami dan bantu kami viralkan kempen ini," tulis LZS di laman facebooknya.

Kempen MyZakat@8 antara lain turut menyediakan khidmat taksiran zakat secara percuma.

Sebarang pertanyaan lanjut berkenaan bayaran zakat perniagaan, maka orang ramai boleh menghubungi LZS menerusi aplikasi Whatsapp, di talian 011-2075 4557

WAKTU SOLAT SELANGOR							
28 JUN - 4 JULAI 2018							
14 - 20 SYAWAL 1439H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling dan Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
28 Khamis	5:35	5:45	7:06	1:19	4:45	7:28	8:44
29 Jumaat	5:35	5:45	7:07	1:19	4:45	7:28	8:44
30 Sabtu	5:35	5:45	7:07	1:20	4:45	7:29	8:44
01 Ahad	5:35	5:45	7:07	1:20	4:45	7:29	8:44
02 Isnin	5:36	5:46	7:07	1:20	4:46	7:29	8:44
03 Selasa	5:36	5:46	7:07	1:20	4:46	7:29	8:44
04 Rabu	5:36	5:46	7:08	1:20	4:46	7:29	8:45
Sabak Bernam dan Kuala Selangor							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
28 Khamis	5:36	5:46	7:08	1:22	4:47	7:31	8:46
29 Jumaat	5:36	5:46	7:08	1:22	4:47	7:31	8:46
30 Sabtu	5:36	5:46	7:08	1:22	4:48	7:31	8:47
01 Ahad	5:36	5:46	7:08	1:22	4:48	7:31	8:47
02 Isnin	5:37	5:47	7:08	1:22	4:48	7:31	8:47
03 Selasa	5:37	5:47	7:09	1:22	4:48	7:32	8:47
04 Rabu	5:37	5:47	7:09	1:23	4:48	7:32	8:47
Klang dan Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
28 Khamis	5:35	5:45	7:08	1:20	4:45	7:28	8:43
29 Jumaat	5:36	5:46	7:08	1:20	4:45	7:28	8:43
30 Sabtu	5:36	5:46	7:08	1:20	4:46	7:28	8:43
01 Ahad	5:36	5:46	7:08	1:20	4:46	7:28	8:43
02 Isnin	5:36	5:46	7:08	1:21	4:46	7:28	8:44
03 Selasa	5:37	5:47	7:09	1:21	4:46	7:28	8:44
04 Rabu	5:37	5:47	7:09	1:21	4:46	7:29	8:44



PKNS TRAIL

Run & Duathlon 2018
enriching lives

21 & 22 JULAI 2018
Bernam Jaya . Hulu Selangor
FLAG OFF 7.30 PAGI



JUMLAH HADIAH
WANG TUNAI
RM72,000!

RUNNING
5KM | 10KM | 21KM
DUATHLON
5KM RUN > 20KM CYCLE > 5KM RUN

KATEGORI

PENDAFTARAN LAYARI www.raceXasia.com

anjuran



dikelola oleh



penaja bersama



maklumat lanjut : equipmnt@gmail.com 016.464.2502



Football For Friendship (F4F)

Imran cemerlang di Rusia

OLEH HAFIZAN TAIB

SHAH ALAM - Peserta muda negara, Imran Zakaria menampilkan persembahan membanggakan dalam Projek Sosial Kanak-Kanak Antarabangsa *Football For Friendship* Gazprom (F4F) 2018, di Moscow, Rusia.

Pelajar berusia 12 tahun berperanan sebagai jurulatih muda untuk Grevy's Zebra dalam Kejohanan Antarabangsa Persahabatan Gazprom (FIC), berpuas hati dengan persembahan pasukannya walaupun gagal dalam pusingan kelayakan.

"Saya gembira diberi peluang menyertai program ini yang membantu saya menjalin hubungan dengan lebih ramai kawan daripada pelbagai negara dan bermain bola sepak bersama.

"Program latihan sebelum kejohanan memberi saya kesempatan melatih pemain muda dan membantu mereka meningkatkan kemahiran dalam bola sepak.

"Ini pengalaman luar biasa dan saya berharap untuk mengambil bahagian dalam lebih banyak kejohanan, pada masa hadapan," katanya.

FIC diadakan di Stadium Sapsan Arena, Moscow disertai 32 pasukan dengan Grevy's Zebra dibimbing Imran diwakili pemain dari Emiriah Arab Bersatu (UAE), Sweden, Mexico, Aruba dan Mesir.



Program F4F diadakan mulai 8 hingga 15 Jun lalu sempena dengan Piala Dunia 2018 Rusia membabitkan penyertaan kanak-kanak dari 210 negara, seluruh dunia.

Selain Imran, seorang lagi peserta negara ialah Lauren Hoh, 12, yang diberi peranan sebagai wartawan muda, dalam program berkenaan.

Penyertaan kali pertama peserta Malaysia itu pada program F4F keenam memberi peluang Imran dan Lauren terbabit dalam upacara perasmian Piala Dunia 2018.

Mereka juga berpeluang menyaksikan perlawanan sulung antara Rusia dan Arab Saudi, di Stadium Luzhnik, pada 14 Jun lalu.

Program latihan sebelum kejohanan memberi saya kesempatan melatih pemain muda dan membantu mereka meningkatkan kemahiran dalam bola sepak

IMRAN ZAKARIA

Peserta Projek Sosial Kanak-Kanak Antarabangsa 'Football For Friendship' Gazprom

Harimau Malaya bertemu Maldives dalam aksi persahabatan

SHAH ALAM - Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) mengesahkan skuad kebangsaan, Harimau Malaya akan menentang Maldives dalam perlawanan persahabatan antarabangsa, di Stadium Nasional Bukit Jalil, pada 3 November ini.

FAM dalam kenyataan berkata, perlawanan persahabatan berstatus A bertemu pasukan di ranking ke-150 dunia itu adalah yang keenam untuk skuad kebangsaan sebelum menyertai Piala Suzuki Persekutuan Bola



Sepak ASEAN (AFF) 2018.

"Ia sebagai ujian terakhir sebelum skuad Harimau Malaya kendalian Tan Cheng Hoe ter-

bang ke Phnom Penh bagi aksi sulung Kumpulan A bertemu Kemboja, pada 8 November ini," katanya.

Sebelum ini, FAM mengesahkan lima perlawanan persahabatan antarabangsa "A" diatur, menjelang Piala Suzuki AFF 2018.

Ia bermula dengan perlawanan menentang Fiji di Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur pada 5 Julai diikuti melawan Taiwan di Taipei (7 September) seterusnya Kemboja di Phnom

Penh, pada 10 September ini.

Dua perlawanan lagi ialah bertemu Sri Lanka di Colombo, pada 12 Oktober dan Republik Kyrgyz, di Stadium Nasional, Bukit Jalil, pada 16 Oktober ini.

Setiasaha Agung FAM, Datuk Hamidin Mohd Amin sebelumnya berkata, semua perlawanan persahabatan ditempuh Harimau Malaya menjadi medan terbaik untuk Cheng Hoe membentuk skuad mantap serta memperbaiki kedudukan semasa Malaysia, di tangga 171 dunia.



FIFA 2018: MB pilih England

SHAH ALAM - Ketika masyarakat dunia tertumpu kepada penganjuran Piala Dunia (FIFA Russia 2018), Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari tidak melepaskan peluang berkongsi keterujaannya terhadap penganjuran temasya itu.

Di Twitter, Dato' Menteri Besar itu menggunakan tanda pagar (*hashtag*) 'England' pada profil laman rasminya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Tua.

Ia bukan sesuatu yang asing buat Amirudin yang sebelum ini dikenali umum sebagai penggemar sukan bola sepak tempatan dan antarabangsa.

Kecenderungan beliau terhadap pembangunan sukan bola sepak dibuktikan menerusi kejayaan dan komitmennya membantu pasukan Selangor merealisasikan Misi 33 Selangor dalam menjulang Piala Malaysia, kali ke-33.

Terbaru, selepas menerajui kepimpinan tertinggi negeri, Amirudin secara terbuka menyatakan komitmen beliau membawa pembaharuan dalam Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS).

Tumpuannya termasuk menjalankan reformasi menyeluruh bagi mengembalikan kegemilangan sukan bola sepak negeri.

Untuk rekod, peranan Amirudin dalam merencanakan agenda pembangunan sukan negeri berada, pada landasan terbaik.

Selain bola sepak, beliau turut fokus meningkatkan imej pembangunan sukan di negeri itu menerusi beberapa pelan pembangunan dan gerak kerja berterusan, di bawah Majlis Sukan Negeri Selangor.

Kejayaan berterusan itu dibuktikan menerusi prestasi cemerlang beliau dalam mengangkat martabat sukan negeri apabila kotinjen Selangor menjadi juara, pada temasya Sukan Malaysia (SUKMA) lalu.

SUKANANE



OLEH ERMIZI MUHAMAD

Reformasi baru FAS

SHAH ALAM - Pembaharuan Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) akan dilakukan bagi mengembalikannya kegemilangan sukan bola sepak negeri, kata Amirudin Shari.

Dato' Menteri Besar itu berkata, tindakan menyeluruh bakal dilaksanakan bagi merealisasikan hasrat berkenaan.

"Perkembangan FAS itu, kita tunggu sehingga Julai ini. Selepas selesai proses perubahan, kita akan ambil tindakan (pembaharuan) menyeluruh," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di pejabatnya, di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, pada 20 Jun lalu.

Pergolakan antara pengurusan tertinggi FAS dan Kerajaan Negeri dilaporkan berlaku susulan wujudnya pertikaian sentimen politik dalaman pengurusan

persatuan terbabit.

Amirudin sebelum ini menegaskan pentadbiran negeri kekal menjaga kepentingan sukan bola sepak dan menolak dak-



waan cuba manipulasi isu berkenaan.

Beliau turut mendedahkan, kemelut dalaman FAS bermula apabila segelintir daripada ke-

pimpinan di dalam FAS menentang perubahan yang cuba dibawa Presiden ketika itu, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

Bagaimanapun, FAS kini mula melalui fasa penjenamaan baru selepas Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor, Tengku Amir Shah berkenan menerajui kepimpinan tertinggi sebagai presiden.

Amirudin sedia 'ubah'

PKNS FC sedia bangkit

KUALA LUMPUR - Berdepan misi sukar, namun Datuk K Rajagopal masih menaruh harapan PKNS FC akan bangkit mencabar dalam perlawanan menentang Selangor, pada separuh akhir kedua Piala FA, pada 30 Jun ini.

Ketua jurulatih The Red Ants itu berkata, tiada yang mustahil dalam bola sepak dan ia mampu diperoleh dengan kesungguhan pemain mengubah keadaan perlawanan, di Stadium Shah Alam nanti.

"Dalam bola sepak, ramai yang kata keajaiban boleh berlaku tetapi Selangor pasukan bagus dengan beberapa pemain memiliki skill individu yang baik.

"Namun, kita hanya perlu bersikap

positif mengembalikannya maruah dan berusaha memenangi perlawanan walaupun ia bukan mudah selepas ketinggalan 0-4," katanya kepada media selepas perlawanan separuh akhir pertama Piala FA, di Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur, di sini, pada 23 Jun lalu.

Dalam perlawanan itu, Selangor mengalahkan PKNS FC 4-0 melalui hatrik Rufino Segovia

Del Burgo dan jaringan sendiri Azmizi Azmi.

Mengulas lanjut, bekas pengendali skuad kebangsaan itu berkata, PKNS FC memulakan permainan baik, pada 15 ke 20 minit pertama tetapi berubah dengan barisan pertahanan agak gementar dan memberi ruang kepada penyerang lawan terutama Rufino Segovia.

Akibatnya, PKNS FC menerima padah apabila dibolosi dua gol mudah, pada separuh masa pertama diikuti dua gol lagi, pada babak kedua.

"Dalam separuh masa kedua, kita cuba bangkit untuk dapatkan gol bagi mengurangkan defisit tetapi dibolosi lagi dan ia kesilapan pemain yang tidak seharusnya berlaku.

"Jika lihat dua perlawanan dalam Liga Super sebelumnya, kita bermain dengan baik dan berpeluang untuk mencabar tetapi tidak menjadi," katanya.



Namun kita hanya perlu bersikap positif mengembalikannya maruah dan berusaha memenangi perlawanan walaupun ia bukan mudah selepas ketinggalan 0-4

DATUK K RAJAGOPAL
Ketua Jurulatih PKNS FC



Perkembangan FAS itu, kita tunggu sehingga Julai ini. Selepas selesai proses perubahan, kita akan ambil tindakan (pembaharuan) menyeluruh

AMIRUDIN SHARI
Dato' Menteri Besar

